

**P. Pinang,  
Melayu mudah  
cari makan** MS 3



**Perpustakaan  
Digital P. Pinang  
dibuka** MS 15



# buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

**PERCUMA**



16 – 31 OKTOBER, 2016



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

## Kadar pertumbuhan KDNK per-kapita: Kerajaan Pakatan ubah P. Pinang dari negeri tercorot ke No. 1

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Dalam tempoh masa lapan tahun, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berjaya mengubah landskap ekonomi negeri dari kedudukan tercorot di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) pada tahun 2006-2007, sehingga menjadi nombor satu dalam pertumbuhan kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita bagi tahun 2014-2015. (Rujuk Lampiran A).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerusi satu kenyataan media pada 15 Oktober lalu membantah sekars-

kerasnya pembobongan BN kononnya prestasi ekonomi dan kewangan Pulau Pinang kini sangat menyediakan dengan memutarbelitkan kejayaan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang berjaya mengubah dinamika ekonomi negeri.

“BN tidak boleh menukar hitam menjadi putih atau putih menjadi hitam apabila laporan tahunan Ketua Audit Negara membuktikan perkara-perkara berikut:-

- Sepanjang lapan tahun (2008 sehingga 2015), Pulau Pinang mencatatkan lebihan belanjawan tahunan dengan jumlah terkumpul RM574 juta, lebih banyak berbanding BN sepanjang 50 tahun (1957-2007) iaitu RM373 juta.
- Aset rizab negeri

jugalah meningkat hampir dua kali ganda sepanjang tempoh lapan tahun ini, iaitu daripada RM850 juta menjadi RM1.6 bilion.

- Hutang Kerajaan Negeri telah dikurangkan sehingga 90 peratus menjadi RM69 juta menjelang 2015, iaitu jumlah hutang terendah dalam negara berbanding negeri lain seperti Pahang (RM2.9 bilion), Sabah (RM2.3 bilion) dan Kelantan (RM1.3 bilion) daripada keseluruhan hutang 13 negeri, RM16.8 bilion.

Guan Eng dalam pada itu turut membandingkan prestasi ekonomi negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan yang merekodkan belanjawan defisit untuk 18 tahun berturut-turut sejak 1998.

“Malah, hutang Kerajaan Persekutuan juga meningkat tiga kali ganda sejak 2007 menjadi RM800 bilion.

Sambungan di muka surat 19.

**KM zahir rasa sedih atas kemangkatan Raja Thailand**

**KETUA** Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzhirkan rasa sedih atas kemangkatan Raja Thailand, Bhumibol Adulyadej, 88, pada 13 Oktober lepas yang diratapi rakyat negara jiran berkenaan.

“Tentu kita zahirkan perasaan sedih bagi pihak rakyat (Pulau Pinang dan) Thailand dan juga memuji perkhidmatan yang tidak berbelah-bahagi Raja Thailand ke atas rakyatnya.

“Thailand telah kehilangan raja yang dihormati sebagai pendamai, satu ikon kesederhanaan, kemodenan dan kuasa penyatu toleransi dan kestabilan untuk semua pihak.

“Berita ini begitu mengejutkan buat kami di Pulau Pinang kerana kemangkatan Raja Thailand adalah selepas seminggu Puteri Raja Maha Chakri Sirindhorn membuat lawatan balas ke Pulau Pinang untuk kali kedua dalam tempoh dua tahun sebagai memupuk persahabatan yang lebih rapat dengan rakyat negeri ini,” katanya pada sidang media baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, baginda merupakan contoh pemimpin terbaik yang mempromosi semangat toleransi membabitkan negara-negara jiran.

“Raja Bhumibol telah memberikan kita contoh kepada kemahiran baginda sebagai seorang diplomat, kepimpinan baginda sebagai raja reformis, dan keupayaannya untuk mendekati rakyat biasa di Thailand,” ujar beliau.

**Kedudukan pertumbuhan KDNK per kapita mengikut negeri di Malaysia (Harga Semasa)**

	2005-2015 (%)	2006-2015 (%)	2007-2015 (%)	2008-2015 (%)	2009-2015 (%)	2010-2015 (%)	2011-2015 (%)	2012-2015 (%)	2013-2015 (%)	2014-2015 (%)	
1 WP Kuala Lumpur	123.3	WP Kuala Lumpur	108.1	WP Kuala Lumpur	90.6	WP Labuan	88.3	WP Labuan	87.7	WP Labuan	52.4
2 WP Labuan	120.6	Perak	92.1	WP Labuan	73.9	WP Kuala Lumpur	68.7	WP Kuala Lumpur	66.1	WP Kuala Lumpur	46.4
3 Perak	106.3	WP Labuan	87.3	Perak	71.4	Melaka	54.0	Perak	60.8	Perak	39.6
4 Kelantan	98.8	Melaka	80.6	Melaka	70.2	Perak	53.6	Melaka	56.9	Melaka	35.7
5 Melaka	95.3	Kelantan	78.8	Selangor	61.7	Johor	46.5	Johor	56.5	Johor	34.1
6 Kedah	86.0	Johor	73.8	Kelantan	57.6	Selangor	45.6	Selangor	49.7	Pulau Pinang	33.5
7 Pahang	83.5	Selangor	73.4	Johor	57.5	Kelantan	40.9	Pulau Pinang	49.0	Selangor	31.9
8 Selangor	81.4	Kedah	68.6	Pahang	50.5	Kedah	40.1	Pahang	47.7	Kedah	30.0
9 Johor	81.2	Pahang	67.6	Kedah	50.1	Perlis	36.2	Kedah	46.2	Pahang	27.0
10 Sabah	77.2	Sabah	62.6	Negeri Sembilan	49.2	Negeri Sembilan	36.2	Kelantan	43.4	Sarawak	25.6
11 Negeri Sembilan	76.7	Negeri Sembilan	61.0	Perlis	47.5	Pahang	35.8	Negeri Sembilan	43.4	Negeri Sembilan	25.0
12 Sarawak	74.0	Sarawak	58.4	Sarawak	42.9	Pulau Pinang	33.1	Perlis	40.9	Kelantan	23.1
13 Perlis	67.7	Perlis	57.8	Pulau Pinang	42.9	Terengganu	26.4	Sarawak	40.7	Terengganu	23.0
14 Terengganu	67.2	Pulau Pinang	51.4	Sabah	39.9	Sarawak	18.6	Terengganu	38.9	Perlis	22.9
15 Pulau Pinang	67.1	Terengganu	49.9	Terengganu	36.2	Sabah	12.6	Sabah	27.2	Sabah	10.7
											-1.3

Sumber: Pengiraan Penang Institute berdasarkan data KDNK terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Lampiran A.

## TYT nasihat hijrah jauhi isu khilafiah pecah-belah umat



**DR. Abdul Rahman Abbas** (dua dari kanan) diiringi **Abdul Malik Abul Kassim** (kanan sekali) dan **Farizan Darus** (dua dari kiri) menyampaikan anugerah berkaitan kepada wakil masjid pada Majlis Perhimpunan Ummah Sempena Maal Hijrah 1438H/2016M di sini baru-baru ini.

Oleh :  
**ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar :  
**D A R W I N A MOHD. DAUD**

**BERTAM** - Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berkata, isu-isu khilafiah yang boleh memecah-belah umat Islam wajib dijauhi semua pihak.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama dalam Majlis Perhimpunan Ummah Sempena Maal Hijrah 1438H/2016M di sini baru-baru ini.

"Umat Islam jangan terus dikelirukan oleh pelbagai isu khilafiah seperti di beberapa negara umat Islam, yang akhirnya melemahkan usaha menyatupadukan umat Islam," katanya di Masjid Abdullah Fahim dekat Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Negeri Pulau Pinang), Y.A. Dato' Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang), Dato' Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Permatang Pasir).

Abdul Rahman memberitahu, umat Islam perlu lebih berdaya saing dari segi keimanan, kehidupan, ekonomi dan pendidikan dengan melakukan proses hijrah dalam diri masing-masing.



**SR. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman** sambil ditemani isteri menunjukkan trofi dan sijil penghargaan dimenangi selepas dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri 1438H/2016M .

Dalam pada itu, Abdul Malik yang juga ADUN Batu Maung ketika berucap menyuruh umat Islam supaya menghayati tema sambutan Maal Hijrah kali ini, iaitu Islam Rahmat Ke Seluruh Alam.

"Di mana pun, umat Islam seakan-akan lemah disebabkan permusuhan sesama sendiri.

"Pertembungan budaya dengan pelbagai segi, termasuk fahaman takfiri (saling mengakar) dalam kalangan umat Islam sendiri seharusnya menuntut kita kembali menghayati maksud 'Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin,' ujarnya.

Pada majlis sama, turut berlangsungnya forum "Segmen Perkongsian Hijrah" dengan menampilkan Ustaz Mohamed Hanafiah Abdul Malik (Ustaz Selebriti 'Tanyalah Ustaz' TV9) dan Dr. Rubiah K. Hamzah (Pakar Motivasi Agama), dan dikendali moderator Khairul Aman Bistaman (Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP).

Acara qasidah, zikir, nasyid turut mengisi persempahan pentas di dewan solat di sini.

Pada kesempatan itu, Abdul Rahman turut menyampaikan anugerah-anugerah tokoh Maal Hijrah pelbagai kategori serta majlis penarafan bintang masjid.

Perunding Juru Ukur, Sr. Haji Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman, 63, dipilih sebagai penerima Tokoh Maal Hijrah Negeri pada kali ini.

Penerima lain antaranya, Ustaz Rosli Othman (Tokoh Pendakwah Negeri), Abu Bakar Kugaselvan Abdullah (Tokoh Saudara Kita), Toom Chee (Tokoh Ibu Mithali) dan Ibrahim Hassan (Anugerah Bapa Mithali).

lagi cadangan pembinaan melebihi garis panduan pembangunan iaitu antara 80 meter ke 120 meter atas paras laut.

"Kerajaan Negeri jelas melarang sebarang pembangunan termasuk perumahan yang berada pada paras melebihi 76 meter atau 250 kaki ketinggian kerana faktor-faktor ekologi," ujarnya pada sidang media sejurus menghadiri Deepavali Luncheon for Home Residents and Single Mothers di Rumah Amal Chesire, dekat sini baru-baru ini.

## Puteri Thailand di P. Pinang bagi lawatan rasmi

**GEORGE TOWN** - Puteri Diraja Thailand, Maha Chakri Sirindhorn baru-baru ini mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari bersama-sama anggota delegasi yang terdiri daripada guru sekolah dan pensyarah.

Ketibaan baginda disambut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Bayan Lepas pada 3 Oktober lalu.

Turut sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Baginda dan delegasi termasuk Duta Thailand ke Malaysia, Damrong Kraikruan; Konsul Jeneral Diraja Thailand ke Pulau Pinang, Ekajit Kraivichien dan Konsul Jeneral Diraja Thailand ke Kota Bharu, Kelantan, Paitoon Songkao dibawa

melawat ke beberapa buah sekolah rendah dan menengah di Pulau Pinang termasuk Kolej Vokasional Balik Pulau.

Selain itu, baginda turut melawat Penang Skills Development Centre (PSDC) dekat Kawasan Perindustrian Bayan Lepas dan pusat sains dan penemuan, Tech Dome Penang (TDP) di Komtar.

Umumnya, lawatan baginda adalah bertujuan mempelajari sistem pendidikan berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Dalam pada itu, Guan Eng turut menjemput baginda untuk datang ke Pulau Pinang lagi tahun hadapan bagi melihat pembangunan eko-pelancongan di negeri ini termasuk tarikan terbaru di Bukit Bendera.

Tahun lalu, baginda yang diiringi 40 pelatih Akademi Tentera Diraja Chulachomklao dan pegawai tertinggi dari Thailand turut mengadakan lawatan ke Pulau Pinang bagi mempelajari sejarah dan selok-belok masyarakat di Pulau Pinang.



**MAHA Chakri Sirindhorn** (empat dari kanan) sambil diiringi Ketua Menteri dan isteri merakamkan salah satu komponen robotik bersempena lawatan baginda ke Penang Science Cluster.

## Agensi Persekutuan harap lebih peka buat permohonan pembangunan - Exco

**GEORGE TOWN** - Dua permohonan projek perumahan oleh agensi Persekutuan ditolak kerana gagal mematuhi syarat-syarat ditetapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, dua projek yang dimaksudkan masing-masing di Teluk Kumbar, Bayan Lepas dan Balik Pulau.

"Salah satu daripadanya ditolak kerana tidak mematuhi keperluan teknikal yang telah ditetapkan oleh kita (Kerajaan Negeri), dan satu

Jagdeep dalam pada itu menggesa agensi-agensi Persekutuan supaya mematuhi segala syarat dan terma yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum mengemukakan sebarang permohonan pembangunan termasuk pembinaan rumah.

"Tidak ada gunanya untuk kemukakan permohonan jika ia tidak mematuhi garis panduan asas dan terma yang ditetapkan, sama seperti tidak menghantar apa-apa

permohonan kerana 'melanggar' syarat asas.

"Begitu juga permohonan untuk membina rumah untuk penjawat awam, Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPAIM), ditolak kerana gagal mematuhi syarat-syarat asas Kerajaan Negeri," katanya yang berharap agar agensi-agensi Persekutuan lebih peka dalam membuat sebarang permohonan pembangunan.

# Perlu gigih, P. Pinang 'negeri Melayu mudah cari makan', kata penjaja

**PULAU** Pinang semakin dikenali sebagai destinasi pelancongan dunia, kini.

*Time Magazine* pernah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai destinasi *Best Street Food In Asia*.

Asam laksa di negeri ini pernah berada pada kedudukan ke-tujuh dalam senarai *CNN's World 50 Most Delicious Food*.

Selain itu, Pulau Pinang sebelum ini pernah dipilih sebagai *One of Asia's Greatest Street Food Cities* oleh *CNNGo.com*.

Maka, padanlah Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga kini gigih memartabatkan golongan penjaja makanan khususnya di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Penjaja makanan yang sebenar ada yang 'diputihkan', diberi lesen jaja sementara serta disusun semula bagi ditempatkan di tapak niaga yang lebih selesa, contohnya di Astaka Medan Renong dan Astaka Fort Cornwallis serta sekitar kawasan Padang Kota, umpamanya.

Pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mahu Pulau Pinang yang terkenal sebagai destinasi pelancongan makanan sedunia, turut menjadi destinasi pilihan golongan penjaja makanan meraih rezeki berganda.

Wartawan pelatih akhbar Buletin Mutiara, **SYARAFANA ALI** baru-baru ini membuat tinjauan lanjut serta cuba mendapatkan maklum balas lanjut daripada penjaja-penjaja terbabit.

**AISYAH ABDUL RAHMAN**, 75, bermula nasi ayam dan masakan ala-Thai

memberitahu, beliau sejak 30 tahun dahulu hanya bermiaga di tepi jalan dan buka kedai secara kecil-kecilan.

Namun, kini beliau berpeluang bermiaga di Astaka Medan Renong.

"Dulu bermiaga di luar lebih untung dan ramai orang."

"Sekarang, bermiaga di dalam medan ni hanya ramai pelanggan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, (namun pada) hari biasa kurang orang."

"Bermiaga di dalam lebih terjamin dan selamat, dulu bermiaga di tepi jalan, selalu kena serbu," katanya ketika sesi wawancara.

Menurut Aisyah, belakangan ini, pelancong ke Padang Kota Lama sendiri seakan-akan begitu berbelah-bahagi untuk berbelanja lebih, mungkin disebabkan kos sara hidup rakyat umumnya meningkat.

Pun begitu, bagi **SHEGU MYDIN ABU MOHAMED**, 20, **peniaga barang runcit dan barang am mengakui bahawa Pulau Pinang adalah tempat 'cari makan' yang berdaya saing.**

**"Asalkan kena rajin bermiaga, rezeki itu pasti ada.**

**"Sini hari-hari ramai orang, lagi-lagi masa cuti sekolah dan cuti umum,"** ujar beliau.

**Shegu Mydin turut menolak telahan segelintir pihak, kononnya orang Melayu susah 'cari makan' di negeri ini.**

**Menurut beliau, Melayu dari Kedah, Perlis dan Perak begitu ramai bermiaga di Pulau Pinang dan berjaya.**

**Justeru tanyanya, bagaimana Melayu anak jati negeri ini boleh berdalih**

## "Melayu susah cari makan"?

**"Saya tidak sokong bahawa Melayu tiada tempat untuk bermiaga, saya bersyukur dapat bermiaga di sini.**

**"(Apa)bila ada busking dan aktiviti tertentu di kawasan permainan bertambah ramai pelanggan,"** ujarnya.

Demi menggandakan bilangan pengunjung ke astaka, Shegu Mydin turut mencadangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi lebih kelonggaran kepada semua pihak untuk mengadakan acara tertentu di taman permainan di sini.

**Nada sama turut dizahirkan ANWARAHMAD, 42, penjaja laksa, bihun sup, dan pelbagai makanan di booth belia berhadapan Fort Cornwallis.**

Menurut Anwar, beliau berani mengambil risiko menyewa tapak pada kadar RM1,200 sebulan daripada pihak pengurusan Fort Cornwallis hasil usaha MBPP kerana percaya Padang Kota sendiri sebagai destinasi pelancongan makanan yang terkenal.

**Hasil pulangan, katanya, disifatkan amat berbaloi.**

**"Selain bermiaga di Padang Kota, saya rajin ikut ekspo di negeri dan luar Pulau Pinang.**

**"Nak hidup di Pulau Pinang kena rajin, tidak semestinya bermiaga setempat sahaja, 200 bungkus laksa dan bihun sup itu memang saya mampu jual lebih dari itu setiap kali buka perniagaan di Padang Kota (Jumaat, Sabtu dan Ahad).**



ANWAR Ahmad.



SHEGU Mydin Abu Mohamed.



THAM Wai Leong.

**"(Apa)bila ada acara sampingan macam pameran United Buddy Bears, lebih ramai pengunjung yang datang,"** jelasnya yang bermiaga bersama-sama isteri, Susilawati Roslan.

Pun begitu, lain pula ceritanya **THAM WAI LEONG**, 34.

Pemilik gerai cenderahati berkenaan memberitahu, hasil jualannya lebih konsisten pada hari biasa berbanding 'hujung minggu'.

"Seronok bermiaga di Penang kerana Padang Kota merupakan satu tumpuan pelancong, (apa) bila tumpuan pelancong, sedikit sebanyak bantu tingkatkan hasil jualan," katanya.

Wai Leong memberitahu bahawa beliau baru sebulan bermiaga di situ di bawah sewaan pengurusan Fort Cornwallis.

Bagi seorang pesara tentera, **AHMAD ISHAK**, 58, aktiviti perniagaan celur-celur agak begitu mencabar.

"Kadang-kadang, rasa kehidupan peniaga kecil di Pulau Pinang ini macam orang asing pula kerana hendak bermiaga susah, lesen untuk peniaga kecil sudah tiada, terpaksa lari ke sana-sini bila serbuhan oleh pihak majlis (MBPP)," sambil memohon maaf kerana menggunakan nada agak keras.

Beliau memohon agar PBT dapat mengkaji semula lesen untuk peniaga kecil dan mengutamakan orang tempatan.

"Kadang tengok warga asing boleh bermiaga tanpa sebarang tindakan... apa hendak jadi dengan nasib kami peniaga kecil orang tempatan?," soal beliau.

Beliau sebelum ini pernah bermiaga di pesisir pantai Queensbay Mall, sebelum dipindahkan ke lokasi berhampiran.

Namun, menurutnya, selepas itu tidak lagi dibenarkan

berniaga di situ.

Sehingga kini, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) gigih menaiktaraf astaka, kompleks makanan, tapak penjaja sementara, pasar awam di negeri ini.

Antara naik taraf yang dilakukan termasuk memperbaiki tandas, pasar berkongseian terbuka dengan reka bentuk bumbung yang tinggi bagi membolehkan peredaran udara, menukar jubin lantai jenis anti-gelincir dan menaiktaraf longkang dan penutup longkang demi keselesaan semua.

Kebenaran menjalankan perniagaan di sekitar Esplanade, Padang Kota Lama merupakan inisiatif MBPP bersama-sama pengurusan Fort Cornwallis sebagai memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil.

Sebagaimana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang negeri penjaja Melayu mudah 'cari makan', semua projek pembangunan ini juga sebenarnya demi memberi nilai tambah yang lebih kepada para peniaga, pengunjung tempatan serta pelancong asing.

## MAKLUMAT PENJAJA BERLESEN MENGIKUT KAUM SEHINGGA OKTOBER 2016

Lokasi Lesen / Kaum	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Pasar / Kompleks / Tapak Penjaja	1587	3885	270	3
Pasar Malam	366	460	14	0
Penjaja Statik Sementara	22	95	5	12
<b>Jumlah</b>	<b>1975</b>	<b>4440</b>	<b>289</b>	<b>15</b>

## MAKLUMAT PENJAJA TANPA LESEN MENGIKUT KAUM SEHINGGA OKTOBER 2016

Kawasan / Kaum	Melayu	Cina	India	Jumlah
Tengah	189	506	40	735
Utara	257	549	92	898
Selatan	688	409	56	1153
<b>Jumlah</b>	<b>1134</b>	<b>1464</b>	<b>188</b>	<b>2786</b>

Sumber: Bahagian Pelesenan MBPP.

# Kemuka bukti jika ada orang kaya terima RMM - Exco

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**BUKIT TAMBUN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa **Kerajaan Negeri hari ini tidak pernah menawarkan unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai jenis secara tidak sah kepada orang kaya, sebagaimana dituduh pihak tertentu.**

Menurut Jagdeep, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) yang beliau sendiri pengerusikan itu hanya menawarkan unit RMM kepada pemohon yang layak sahaja.

"Baru-baru ini ada beberapa pihak yang membuat tohaman bahawa unit-unit RMM ditawarkan kepada orang-orang kaya.

"Ini adalah langsung tidak dapat diterima dan sekiranya mana-mana pihak ada maklumat akan perkara ini, sila kemukakannya kepada Pejabat Perumahan (Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, PSUK) untuk siasatan lanjut," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Surat Tawaran Pangsapuri Jenis A Taman Lembah Indah di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, seramai 66 pemohon menerima surat tawaran pangsapuri Jenis A (RM42,000) Taman Lembah Indah dekat Simpang Empat di sini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa

dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga ADUN Seberang Jaya; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun serta Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Goh Choon Aik.

Tambah Jagdeep, SPEC kini adalah dianggotai Afif, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung), Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah), Teh Lai Heng (ADUN Komtar), Chuan Aun, Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung) dan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru).

Jagdeep memberitahu, syarat kelayakan permohonan RMM yang digariskan oleh SPEC juga adalah sangat ketat, iaitu warganegara, berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat, anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin di negeri ini, pengundi berdaftar Pulau Pinang dan bekerja di Pulau Pinang.

SPEC sejak ditubuhkan pada bulan Ogos 2013 direkodkan menjalankan pemilihan membabitkan 16,363 pemohon RMM Jenis A (RM42,000), 6,234 pemohon RMM Jenis B (RM72,500) dan 10,558 pemohon RMM Jenis C hingga C4.

Difahamkan, RMM Jenis C1 hingga C3 dalam lingkungan harga antara RM150,000 dan RM300,000, manakala RMM Jenis C4 berharga tidak melebihi RM400,000.



JAGDEEP Singh Deo (barisan belakang, enam dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakamkan gambar dengan para penerima surat tawaran pangsapuri RMM Jenis A di Taman Lembah Indah di sini baru-baru ini.

## Fitnah KM: Laporan polis dibuat

**GEORGE TOWN** – Pegawai Penerangan kepada Ketua Menteri, Mejar (B) Zaidi Ahmad baru-baru ini membuat laporan polis terhadap pemimpin gerakan Baju Merah merangkap Pengurus Gabungan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia, Datuk Jamal Md. Yunos.

Zaidi yang ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut (IPD) Jalan Patani berkata, laporan tersebut adalah ekoran satu paparan berbaur fitnah oleh Jamal terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang di laman akaun Facebooknya bertarikh 9 Oktober lalu.

"Paparan tersebut telah mengeluarkan satu kenyataan menuduh Ketua Menteri sebagai yang dipetik, "Dajjal oh Dajjal. Ini mesti LGE DAP Ketua Menteri P. Pinang yang mengupah budak-budaknya memalsukan Akaun FB saya. Nampak sangat BERSIH DAH JADI DAJJAL... ini akaun FB saya yang sebenarnya," katanya di perkarangan luar IPD Timur Laut di sini 11 Oktober lalu.

Hadir sama, Pegawai Koordinator AES (Agenda Ekonomi Saksama) dan Tugas-tugas Khas Kepada Ketua Menteri, Ab. Wahab Long dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Zaidi dalam pada itu menggesa pihak polis untuk bertindak dengan segera terhadap Jamal ekoran paparan berkaitan.

"YAB (Ketua Menteri) tidak pernah pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana pihak memalsukan akaun Facebook beliau (Jamal)," jelasnya.

Menurut Zaidi, Jamal membuat tuduhan tersebut berdasarkan status oleh individu dikenali sebagai Rafi Awg Kechik bertarikh 21 September 2016.

"Paparan tersebut jelas menunjukkan ugutan untuk mencetuskan huru-hara di antara kaum di Malaysia dan mengulangi pertumpahan darah yang berlaku pada 13 Mei 1969 dengan memainkan sentimen agama dan perkauman.

"Kenyataan di satu akaun FB yang dimuat naik Rafi tertera nama Dato Jamal Yunus (Jamal) berbunyi, "Saya berjanji Tragedi 13 May akan berulang dan PARANG TERBANG akan terjadi jika BERSIH 5 dibuat pada masa, tarikh dan tempat yang sama dengan perhimpunan #BERSIH5 yang dijadualkan pada 19 November ini. Hidup Melayu!," ujarnya.

## Teladani Masjid At-Taqwa tubuh pusat dialisis komuniti - Exco



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri), Muhasdey Muhamad (tiga dari kiri) dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman (dua dari kanan) ketika melawat Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa di sini baru-baru ini.

**BERTAM** – Jawatankuasa Kariah Masjid yang mempunyai kemampuan kewangan diseru menubuhkan pusat dialisis komuniti, seperti Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Kerajaan Negeri pada Mei lalu menyumbang peruntukan sejumlah RM1.8 juta di bawah Program Subsidi Rawatan Dialisis Negeri, untuk kerjasama korporat dengan pusat dialisis tersebut dengan sebuah pusat dialisis lain, *MAA Medicare Dialysis Centre* yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Kata beliau, kerjasama korporat itu membolehkan para pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan berkala dengan kos setiap sesi serendah RM30.

"Kerajaan Negeri hanya membantu memberi sokongan selepas usaha menubuhkan pusat dialisis ini dilakukan sendiri oleh Jawatankuasa Kariah Masjid At-Taqwa.

"Jadi, saya lihat masjid-masjid lain yang

mempunyai kemampuan duit dan dana seperti Masjid At-Taqwa, mungkin boleh melihat usaha-usaha seperti ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika melawat Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad serta Pengurus Jawatankuasa Kariah Masjid Bertam, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman turut serta lawatan tersebut.

Tambah Afif, ketika ini, Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa dalam sebulan mampu memberi perkhidmatan rawatan kepada 30 pesakit, berbekalkan enam mesin dialisis.

Kini, pusat berkaitan dalam proses menerima enam mesin dialisis tambahan, sebagaimana diumum Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Mei lalu.

*MAA Medicare Dialysis Centre* pula, difahamkan, akan menerima gantian lapan mesin dialisis dan subsidi bagi pakar nefrologi dan pengurusan sisa klinikal.

# TUTM, inisiatif KN galak belia ceburi industri asas tani



MOHAMED Nazri Shafee (empat dari kiri) bersama-sama barisan penerima lain bergambar kenangan dengan Ketua Menteri dan Dr. Afif Bahardin (lapan dari kiri) pada Majlis Penyampaian Cek Tabung Usahawan Tani Muda di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & SYARAFANA ALI**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** — Seramai 49 usahawan tani muda seluruh negeri Pulau Pinang menerima manfaat melalui tabung khas pinjaman mikro kredit, Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) sejak 13 Jun 2014.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, **tujuan tabung khas itu diwujudkan adalah bagi memberi bantuan berbentuk pinjaman kewangan tanpa faedah sebanyak RM5,000 kepada usahawan tani muda yang menceburi bidang pertanian, penternakan dan perikanan di Pulau Pinang.**

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM250,000 setahun bagi menjayakan inisiatif ini sebagai galakan untuk golongan belia berumur 40 tahun ke bawah menceburi industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan," ujarnya pada penyampaian cek kepada 16 usahawan tani muda di sini baru-baru ini.

Hadir sama pada penyampaian berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng; Pengarah Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang, Dr. Siti Salmiyah Tahir dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Azahar Ibrahim.

Menurut Afif, Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk golongan belia menceburi bidang pertanian.

"Oleh itu, saya berharap agar lebih ramai, orang muda yang tampil memohon dan menjalankan projek-projek asas tani pada masa hadapan," katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

### 3 usahawan tani muda kongsi cerita

**MUHAMAD AMMAR ZULKIEFLY** dari Bukit Mertajam, mengambil alih perusahaan rumput hiasan laman dan taman milik keluarganya sejak lima tahun lalu.

Pemuda berusia 23 tahun tersebut berhasrat untuk memperbesar tapak semaiannya yang terletak di Cherok Tok Kun setelah menerima pinjaman TUTM baru-baru ini.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saya mula mengusahakan sendiri pelbagai jenis rumput hiasan.

"Sebelum ini, bekalan rumput saya ambil dari Sungai Buloh,



**MUHAMAD Ammar Zulkiefly.**

Selangor...tapi sampai bila kita nak ambil dari negeri lain, jadi lebih baik saya usahakan sendiri di sini (Pulau Pinang).

"Permintaan juga alhamdulillah amat memberangsangkan terutama daripada pengusaha taman-taman asuhan (kanak-kanak)...adakala sampai 200 keping order (pesanan)," katanya yang turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi galakan kepada usahawan tani seperti.

Antara jenis rumput hiasan yang diusahakannya termasuklah rumput karpet jenis Filipina, Jepun, batik, rumput mutiara dan jagung.

Jarang sekali anak muda

berkecimpung dalam ternakan arnab, namun bagi **MOHD. ZUHAIME ZAHARI**, 30 dari Balik Pulau, bidang tersebut berpotensi menjana pendapatan lumayan.



**MOHD. Zuhaim Zahari.**

"Pada mulanya, saya cuma suka-suka sahaja, bela biasa-biasa, tapi lama kelamaan, apabila kawan-kawan mula minta nak beli, saya mula mempelajari selok-belok penternakan arnab.

"Bermula dengan arnab baka kampung, sekarang ini saya ternak lain-lain baka seperti *teddy bear*, *New Zealand White* dan baka campuran.

"InshaAllah, bermula dengan insentif yang saya terima hari ini

(melalui TUTM), saya merancang untuk besarkan kandang sedia ada dan menambah baka arnab seperti arnab peliharaan, *Holland Lop*; *Netherland Dwarf* dan lain-lain lagi baka termasuk arnab pedaging, *Flemish Giant*," katanya yang turut membekalkan daging arnab yang siap disembelih.

Walaupun tiada pengalaman dan pengetahuan yang luas pada mulanya dalam bidang tanaman kacang bendi, namun ia tidak menghalang **MOHAMED NAZRI SHAFEE**, 33 dari Butterworth untuk mengusahakannya.

"Penanaman kacang bendi ini diwarisi daripada datuk saya yang kemudiannya 'diturunkan' kepada ayah saya dan kini saya mengusahakannya.

"Mula-mula memang tidak tahu, tapi sejak umur saya 15 tahun, saya mula didekah dengan teknik tanaman kacang bendi sampai sekarang ni," katanya yang turut mengusahakannya.

"Pada mulanya, saya cuma suka-suka sahaja, bela biasa-biasa, tapi lama kelamaan, apabila kawan-kawan mula minta nak beli, saya mula mempelajari selok-belok penternakan arnab.

"Ujarnya, bantuan kewangan yang diterima melalui TUTM ini akan digunakan untuk membeli barang-barang keperluan penanaman kacang bendi seperti benih, baja organik, racun kimia dan dulang semaihan.

## Pusat Pertanian Relau tetap beroperasi sebagai pusat pertanian - Exco

**GEORGE TOWN** — Pusat Pertanian Relau yang berkeluasan 60 ekar tetap beroperasi sebagai pusat pertanian di negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian sebagai menyangkal dakwaan yang kononnya Kerajaan Negeri akan membangukan

kawasan tersebut yang diuar-uarkan dalam media sosial kebelakangan ini.

"Sebelum ini pun banyak cadangan untuk bangunkan kawasan tersebut, tapi kita (Kerajaan Negeri) masihkekalkannya sebagai Pusat Pertanian Agro Pelancongan Relau.

"Kita memang tiada hasrat nak bangunkannya, malah kontrak-kontrak

petani masih diteruskan," katanya pada sidang media di sini 11 Oktober lalu.

Turut serta, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Azahar Ibrahim.

Menurut Afif, selain masih mengekalkan kehijauan walaupun dikelilingi pembangunan pesat di kawasan Relau dan Bayan Baru, pusat itu tetap beroperasi sebagai pusat pertanian.

"Malah ia juga sebagai pusat latihan pertanian dan pembelajaran...khabar angin nak bangunkan kawasan tersebut tidak betul, tidak benar.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mengekalkan pusat tersebut di tapak sedia ada," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

# The Habitat Penang Hill, projek Kerajaan Negeri secara tender terbuka

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

**GEORGE TOWN** - Projek The Habitat Penang Hill yang sedang giat dibangunkan di atas Bukit Bendera kini adalah hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek yang dibangunkan di kawasan seluas 10.04 ekar itu adalah di bawah pemantauan penuh Kerajaan Negeri

Pulau Pinang.

"**Ia ditenderkan secara tender terbuka pada 30 September 2010 dan pada tarikh tutup tender tersebut, 30 November 2010, hanya satu syarikat yang mengemukakan Kertas Cadangan iaitu Syarikat Creative Quest Sdn. Bhd. (CQSB).**

"**Kerajaan Negeri kemudiannya telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan CQSB pada 23**

**Februari 2013 dengan tempoh konsesi selama 30 tahun.**

"(Malah), projek ini dibangunkan melalui konsep *Public Private Partnership* (PPP) iaitu Kerajaan Negeri menyediakan lokasi dan khidmat nasihat, manakala pembangunan projek dibiayai oleh pihak swasta iaitu CQSB yang dilantik melalui tender terbuka.

"Jadi, gambaran bahawa ia (projek

**The Habitat Penang Hill**) merupakan projek oleh Universiti Sains Malaysia (USM) seperti yang dilaporkan baru-baru ini, adalah tidak tepat," ujarnya pada sidang media di sini pada 7 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

## The Habitat, tarikan terbaru Bukit Bendera



LAKARAN artis *THE Canopy Walk*.

Gambar : [thehabitat.my](http://thehabitat.my)

"Secara amnya, orang Pulau Pinang amat sukaikan alam semulajadi dan kami di The Habitat mahu memberikan sesuatu supaya mereka kembali ke sini" - Allen Tan, Pengarah The Habitat Bukit Bendera.

**BUKIT** Bendera merupakan salah satu destinasi pelancongan bukit yang tertua di Asia Tenggara dan kini, The Habitat Bukit Bendera menjadi 'magnet' terbaru pelancongan Pulau Pinang.

Jangka dibuka kepada umum penghujung tahun ini, pengunjung pasti tidak mahu melepaskan peluang mencuba buaian gergasi (*giant swing*) atau merentasi denai kanopi atau menikmati pemandangan flora dan fauna di *The Tree Top Walk*.

### Tarikan utama The Habitat

#### *Nature trail* dan taman-taman bertema

Sebaik sahaja pengunjung melangkah turun dari kereta api funikular di stesen atas Bukit Bendera, pengunjung akan mula lewat *nature trail* atau denai semulajadi berliku-liku sepanjang 1.6 kilometer (km).

Selain latar belakang bukit bukau menghijau serta hamparan Laut Andaman yang permai, *The Red Garden*, *Butterfly Bank*, *The Bromeliad Garden*, *The Orchid Garden*, *Fragrant Garden* dan *Ginger and Palm Grove* antara taman-taman bertema yang terdapat sepanjang denai.

#### *The Canopy Walk @ denai kanopi*

*The Canopy Walk* direka dengan

kejuruteraan yang 'mesra pokok' tanpa 'menyakiti' pokok.

Terletak pada titik ketinggian 15 meter (m), denai kanopi mempunyai platform tinjau sepanjang 230m.

Di sini pengunjung dapat menikmati panorama hutan dara yang berusia 130 juta tahun.

#### *The Tree Top Walk*

Dataran tinjau, *The Tree Top Walk* yang terletak berdekatan dataran tengah berada pada ketinggian 13m direka untuk menampung sehingga 120 pengunjung pada satu-satu masa.

Menjanjikan pemandangan memukau 360 derjah, pengunjung bukan sahaja 'disajikan' dengan pemandangan Bandar Raya George Town malah, jika hari yang cerah, pengunjung turut dapat melihat gugusan kepulauan Langkawi, Kedah.

#### Kemudahan OKU

Turut menyediakan kemudahan laluan dan

bangunan yang mudah diakses untuk orang kurang upaya (OKU) termasuk mereka yang berkerusi roda, warga emas mahupun ibu bapa dengan kereta sorong bayi (*pram*).

#### Waktu Operasi

Apabila siap sepenuhnya, The Habitat akan dibuka kepada umum setiap hari bermula pukul 9.30 pagi sehingga 6 petang.

Buat masa ini, ia akan ditutup setiap hari Selasa dan Rabu.

Pengunjung boleh memilih untuk menaiki kereta api funikular atau menyewa kereta pacuan empat roda (4WD) di Taman Botani Pulau Pinang untuk ke The Habitat.

Bagi yang sukakan cabaran, laluan pendakian turut boleh digunakan.

#### The Habitat Bukit Bendera

11300 Pulau Pinang

T: 04 – 826 7677

W: [thehabitat.my](http://thehabitat.my)

FB: [HabitatPenangHill](https://www.facebook.com/HabitatPenangHill)



ILUSTRASI artis menunjukkan salah satu sisi *The Tree Top Walk*.

**TAWARAN PENGECAULIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

**Mulai 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecaulian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekali-gus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

**Alamat:**  
Unit Pinjaman Penuntut  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 29, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG

**Telefon:** 04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627  
**Faks:** 04-2613453  
**Email:** farahhanim@penang.gov.my  
rizalzli@penang.gov.my  
roos@penang.gov.my

# Beri perhatian lebih ketara kepada atlet istimewa - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR****YAACOB**Gambar : **DARWINA MOHD.**  
**DAUD**

**PADANG LALANG** – Atlet renang orang kurang upaya (OKU), Mohamad Nur Faris Ghazali, 11, baru-baru ini menerima tajaan amal berupa alat bantuan pendengaran kalis air bernilai kira-kira RM12,000 daripada *MasMeyer Foundation*.

Mengulas lanjut, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berharap lebih banyak penaja tampil memberi sokongan kepada para 'atlet istimewa', khususnya mereka daripada keluarga berpendapatan rendah.

"Adik Mohamad Nur Faris merupakan juara acara renang dalam Kejohanan Sukan Khas OKU Peringkat Kebangsaan 2016 di Kuala Lumpur pada pertengahan Mei lalu.

"Saya amat berharap bahawa orang ramai boleh memberi perhatian yang lebih ketara kepada atlet yang mempunyai kebolehan luar biasa seperti adik Mohamad Nur Faris, supaya mereka (atlet OKU) mempunyai peluang yang sama untuk membuktikan kemampuan masing-masing," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang di Kompleks Sukan MPSP Jalan Betik di sini baru-baru ini.

Wakil *MasMeyer Foundation* dikenali Hong menyampaikan sumbangan amal tersebut, sambil disaksikan oleh dua-dua waris serta guru pengiring kepada 'atlet istimewa' berkenaan.

Difahamkan, Mohamad Nur Faris, pelajar Sekolah Pendidikan Khas Permatang Tinggi sejak beberapa bulan lalu menjalani latihan profesional di Kolam Renang Awam

dekat di sini, hasil galakan langsung Chong Eng dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri.

Kerajaan Negeri pada tahun 2014 dilaporkan memberi peruntukan khas sejumlah RM20,000 untuk aktiviti serta program membabitkan kepentingan OKU di negeri ini, lapor Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri (PESRON) Pulau Pinang.

Ketika itu, Pengurus PESRON Pulau Pinang, Dr. Tiun Ling Ta yang juga Ahli Majlis MPSP memberitahu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan menyumbang RM100,000 pada tahun 2014 dan 2015 (RM200,000) untuk kerja-kerja penarafan kemudahan awam OKU termasuk di pusat renang tersebut.

Sementara itu, pada sidang media tahun lalu, ibu kepada Mohamad Nur Faris, Halizah Ismail, 45, melahirkan penghargaan kepada pihak Sekolah



HALIZAH Ismail (depan, dua dari kanan) dan Ghazali Saad (kiri sekali) memerhatikan aksi Mohamad Nur Faris Ghazali (depan, kanan sekali) di Kolam Renang MPSP pada rakaman gambar tahun lalu di sini.

Pendidikan Khas Permatang Tinggi dan Kerajaan Negeri kerana memberi sokongan kepada anaknya.

"Saya dan suami (Ghazali Saad, 46) memang terkejut apabila

jurulatih renang serta guru sekolah memberitahu bahawa tidak lama lagi anak saya mampu berenang seperti kanak-kanak normal yang lain, pada peranti pelampung lagi," jelas beliau.

## Aktiviti parasailing perlu guna bot pelantar mulai 1 Jan. 2017



CHOW Kon Yeow (kiri sekali) ditemani Patahiyah Ismail (bertudung), Mohamed Akbar Mustapha (dua dari kanan) dan Louis Lim (kanan sekali) menunjukkan tayangan video mengenai cara-cara pengendalian aktiviti parasailing menggunakan bot pelantar pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Bermula 1 Januari 2017, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menguatkusakan penggunaan bot pelantar atau *winch boat* terhadap pengusaha-pengusaha pantai yang menjalankan aktiviti *parasailing* atau lancang air di sepanjang jajaran pantai Batu Ferringhi di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah tersebut adalah bagi membendung kes kemalangan membabitkan aktiviti *parasailing* yang dilaporkan kerap terjadi di kawasan terbabit.

"Dengan adanya penguatkuasaan dan penggunaan bot pelantar ini, diharap ia dapat membantu mengelak kejadian kemalangan ini."

"Mengikut statistik, sejumlah 10 hingga 20 kes dilaporkan pada Januari hingga September tahun lalu (2015) berbanding 13 kes bagi tempoh sama tahun ini," katanya pada sidang media khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Mohamed Akbar Mustapha

(Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP) dan Louis Lim (Presiden Persatuan Pengusaha Lancang Air Pulau Pinang).

Difahamkan, kini terdapat 23 pengusaha yang menjalankan aktiviti pantai dan air di sepanjang 2.4 kilometer (km) pantai Batu Ferringhi, tetapi hanya dua daripadanya beroperasi menggunakan bot pelantar.

Selaras itu, Kon Yeow memberitahu, MBPP bersama-sama agensi kerajaan berkaitan telah dipertanggungjawabkan untuk menyusun dan memperketatkan semua aktiviti pantai serta air bermula tahun hadapan.

**"Selain penguatkuasaan bot berpelantar, pengusaha *parasailing* tidak lagi dibenarkan mendaratkan pelanggan di kawasan pantai, sebaliknya telah ditetapkan, hanya Zon B iaitu bermula jajaran pantai Hotel Lone Pine sehingga ke Hotel Golden Sands Resort sebagai tempat 'pick up' dan 'drop off' pelanggan."**

**"Turut dicadangkan, penggunaan bendera berwarna merah dan hijau sebagai penanda keadaan cuaca dan laut yang diperoleh daripada Jabatan Meteorologi Pulau Pinang setiap hari,"** jelasnya.

## Reka bentuk Laguna Indah macam pangaspuri mewah - KM



SEBAHAGIAN pembeli yang hadir pada Majlis Pemberian Replika Kunci Rumah Kepada Para Pembeli Pangaspuri Laguna Indah di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Nilai tambah kemudahan seperti lima tingkat parkir, dua lif, sistem kad akses masuk, kawalan keselamatan berpagar 24 jam, taman landscap, parkir pelawat menjadikan 256 unit rumah kos sederhana rendah (KSR) 21 tingkat Laguna Indah seperti kondominium mewah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Pemberian Replika Kunci Rumah Kepada Para Pembeli Pangaspuri Laguna Indah di sini baru-baru ini.

"Saya ingat ini rumah mampu milik biasa (RM200,000 atau RM300,000), bukannya Jenis A (Kos Rendah) atau Jenis B (KSR) kerana di sini ada kemudahan seperti '24 hours garden and gated'.

"Bukan sahaja kerana lokasinya di kawasan perdana, tetapi kita lihat kemudahannya amat baik," jelasnya yang juga



RUPA bentuk Pangaspuri Laguna Indah.

Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan pemaju, Pengarah Eksekutif Island Landcap Properties Group, Datuk Oon Weng Boon turut berucap pada majlis itu.

# KN sedia kerjasama dengan KKM kawal zika

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT), sama ada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mahupun Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam memastikan penularan virus zika dapat dibendung.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, **kerjasama yang dijalankan mampu memainkan peranan besar dalam mengawal penularan vektor tersebut.**

**"PBT memainkan peranan dan penguatkuasaan dalam kawasan operasi mereka, manakala pihak Kementerian pula boleh membantu mendidik orang ramai mengenai kepentingan kebersihan dan keperluan penjagaan kesihatan rakyat,"** ujarnya ketika ditemui sejurus merasmikan Konvensyen Hari Farmasi Sedunia Antarabangsa (IWPD) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Penguatkuasaan Farmasi KKM, Dr. Salmah Bahri dan Naib Presiden Malaysian Pharmaceutical Society

(MPS), Bharati Suresh Chand serta wakil-wakil dari *Malaysian Community Pharmacy Guild* (MCPG).

Ketika mengulas mengenai peranan yang dimainkan oleh ahli farmasi, Afif menyatakan bahawa golongan berkaitan juga berperanan menyebarluaskan pengetahuan berhubung sesuatu penyakit kepada umum.

"Ahli-ahli farmasi bukan sahaja membantu pihak KKM dan PBT dalam menyebarluaskan pengetahuan berhubung sesuatu penyakit, tetapi juga memainkan peranan dalam amalan penjagaan kesihatan sehari-hari," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Difahamkan, terdapat 14,442 ahli farmasi berdaftar di Malaysia sehingga Ogos tahun ini, tetapi hanya 10,511 (ahli) yang memperbaharui Sijil Amalan Tahunan melibatkan sektor awam sebanyak 62.87 peratus dan swasta (37.13 peratus).

Sejumlah 823 ahli farmasi pula terlibat dalam pembuatan, kawal selia, akademik dan pelbagai amalan farmasi lain di kedua-dua sektor.

Juga berita di muka surat 24.



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) bersama-sama dif-dif jemputan lain melawat ke ruang pameran bersempena pengajuran Konvensyen Hari Farmasi Sedunia Antarabangsa (IWPD) di sini baru-baru ini.

• Hakmilik Kekal • 5% diskaun untuk Bumiputera

**Hijauan Valdor**  
Fase 3

**Rumah Teres Setingkat**

• KELUASAN LANTAI : dari 1217 kp | 129 UNIT  
 • KELUASAN BINAAN : dari 972 kp

**\*CCC Telah Diperolehi Bagi Fase 1 & 2**

Sila Hubungi : **04-5881999 / 04-2559999 / 012-4759103 / 016-4176399 / 012-4077199 / 016-5169888**

No Lesen Pemajuan & Permit Iklan dan Jualan : 2687-51/01-2018/69 • Tempoh sah : 28.01.16 - 27.01.18 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan : MPSP  
 • No rujukan pelan : MPSP/40/20-75/54 • Tarikh Dijangka siap : Disember 2018 • Harga : RM450,000 - RM 541,500 • Tiada Gadaian Tanah

**Location map**

Pemaju : (94528T)  
**ASAS DUNIA BERHAD**  
 Tujuan Tanah : Mastiana Construction Sdn Bhd (52475W)

Penang office :  
 Wisma Asas, No.228 Lebuh Chulia, 10200 Penang.  
 Fax : 04-2559888 Website : [www.asasdunia.com/](http://www.asasdunia.com/)  
[www.hijauanvaldor.com](http://www.hijauanvaldor.com) Email : [enquiries@asasdunia.com](mailto:enquiries@asasdunia.com)

Bukit Mertajam office :  
 1931 Jalan Rozhan, Taman Impian Alma, 14000 Bukit Mertajam  
 Fax : 04-5881380

# Tingkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan warga emas, seru ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PULAU TIKUS** — Rakyat Malaysia, khususnya generasi muda kini perlu didedahkan dengan pengetahuan penjagaan warga emas agar keperluan dan kesejahteraan golongan terbabit diberi perhatian sewajarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, menjelang tahun 2035, lebih 15 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini berusia lanjut 60 tahun dan ke atas.

Malah, menurutnya, berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) pada 2015, Malaysia kini mempunyai bilangan penduduk kategori warga emas yang ramai berbanding bilangan mereka yang berusia 15 tahun dan ke bawah.

"Mereka yang lahir pada tahun 2014 dijangka hidup 2.5 tahun lebih lama, iaitu mencapai usia 74.7 tahun berbanding yang lahir pada tahun 2000, dijangka hidup sehingga 72 tahun.

"Justeru, saya ingin menyarankan agar penambahbaikan dapat dilakukan dengan kadar segera dengan menekankan keperluan dan kepentingan penjagaan warga emas memandangkan negara akan menjadi negara menua pada 2023 nanti," ucapnya pada Majlis Perasmian Kursus Asas Penjagaan dan Pengasuhan Warga Emas di sini 2 Oktober lalu.

Seramai 50 peserta pelbagai peringkat umur menyertai kursus sehari yang dianjurkan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO),



**YAP Soo Huey (dua dari kiri) membantu mengalihkan 'pesakit' yang terlantar sambil diperhatikan ahli fisioterapi bertauliah bersempena pengajuran Kursus Asas Penjagaan dan Pengasuhan Warga Emas di sini baru-baru ini.**

*Friends of Senior* dan *Charis Hospice*.

Mengulas lanjut, Soo Huey memberitahu, buat masa ini, kebanyakan rakyat Malaysia hanya bergantung kepada perkhidmatan penjagaan warga emas yang ditawarkan oleh pihak-pihak tertentu.

"(Sebab itu), saya berharap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan (PKPT) bersama-sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti (KPWKM) memainkan peranan yang lebih proaktif bagi menggerakkan perubahan minda dalam kalangan masyarakat untuk menghadapi trend negara kini sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan golongan berkaitan," ujarnya.

Soo Huey dalam pada itu turut mengemukakan cadangan berikut dalam memastikan kualiti penjagaan warga emas dipertingkatkan.

a. Menyediakan pusat komuniti multigenerasi di setiap kejiraninan bagi memberi peluang ahli keluarga untuk meluangkan masa bersama-sama, berkumpul melakukan aktiviti kekeluargaan.

b. Menitikberatkan reka bentuk bangunan, fasiliti dan persekitaran yang bukan sahaja mesra pengguna, malah sesuai dan selamat berdasarkan reka bentuk sejagat bagi memudahkan pergerakan mereka yang berkerusi roda.

c. Pekerja-pekerja di pusat perkhidmatan penjagaan warga emas dimestikan untuk memiliki sijil pentaulihan penjagaan warga emas dan sentiasa dikawal selia dalam memastikan mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada warga emas dalam jagaan mereka.

d. Kelas praktikal atau latihan perlu ditawarkan dari masa ke masa dengan harga yang berpatutan bagi memberi peluang ahli keluarga yang mempunyai ibu dan bapa lanjut usia mengetahui penjagaan bersesuaian tanpa bergantung kepada pekerja asing atau pembantu rumah yang tidak terlatih.


Kursus Asas Penjagaan dan Pengasuhan Warga Emas yang diadakan baru-baru ini merupakan bengkel praktikal yang julung kali diadakan di kawasan Pulau Tikus.

Orang ramai yang ingin menyertai sesi latihan seumpamanya pada masa hadapan, boleh menghubungi *Friends of Senior* di talian **017 - 451 4258** atau Pusat Khidmat ADUN Pulau Tikus di talian **04 - 226 5217**.

-Harga Dari RM700 persegi  
-Diskaun 5% Untuk Bumiputra

# Logan Mansion

## Kediaman Impian Di Kota




- Ketumpatan Rendah
- Unit Standard Bersendirian

Kemudahan

- Kolam Renang
- Dewan Komuniti
- Bilik Bacaan
- Gymnasium



Kolam Renang



Unit Standard Ruangan Tetamu



Unit Standard Bilik Tidur Utama

Berjaya Leasing Sendirian Berhad 72176-K

Suite 11, 70 Penang Road, 10000 Penang.

\*Semua pentafsiran seni terkandung dalam iklan ini adalah gambaran artis sahaja.

TEL +604 263 0568

No Lesen Pemaju: 13242-1/12-2016/02770(L)  
Tempoh Sah: 16/12/2015 - 15/12/2016  
No Permit Iklan: 13242-1/12-2016/02770(P)  
Tempoh Sah: 16/12/2015 - 15/12/2016

FAKS +604 262 3541

Kelulusan No Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB (5437)/12  
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
Tempohan Tanah: Hakmilik Kekal  
Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad

Bank Pinjaman Perumahan

  
**Maybank**

  
**Hong Leong**

Jumlah Unit: 64 unit  
Harga Jualan: RM1,475,500.00 dan ke atas  
Tarikh Dijangka Siap: January 2017  
Diskaun 5% Untuk Bumiputra.

# Galak penjawat awam hadir kursus bahasa isyarat, mudah salur & terima maklumat - Exco

Oleh : WATAWA NATAF  
ZULKIFLI  
Gambar : ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** - Sejak mengambil alih tampuk pentadbiran pada 2008, Kerajaan Negeri sememangnya sudah berjanji sedaya-upaya untuk tidak meminggirkan mana-mana pihak termasuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Perkara tersebut dinyatakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh ketika merasmikan Minggu Kesedaran Orang Pekak Sedunia di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pada hari pertama pentadbiran lagi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berjanji untuk tidak meminggirkan mana-mana golongan tanpa mengira latar belakang fahaman politik, bangsa dan agama.

"Kita (Kerajaan Negeri) beri 'pentas' yang adil kepada semua untuk membuktikan kebolehan dan kemampuan masing-masing dengan cara tersendiri.

"Malah, kita (Kerajaan



PHEE Boon Poh (kanan sekali) menyampaikan cenderamata kepada dua peserta larian amal yang dianjurkan bersempena sambutan Minggu Kesedaran Orang Pekak Sedunia di sini baru-baru ini.

Negeri) telah membuktikan bahawa golongan OKU tidak dipinggirkan melalui penganjuran pelbagai program kebajikan dan pembangunan OKU supaya

golongan ini akan terus berdaya saing," ucapnya pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah

Jalaludin; Presiden Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA), Razman Tan Abdullah dan Pengerusi Persatuan Orang Pekak Kebangsaan, Sazali Shaari.

**Mengulas lanjut, Boon Poh memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa menggalakkan penjawat-penjawat awam negeri yang kerap berurusan dengan orang pekak untuk menghadiri kursus bahasa isyarat.**

**"Kalau boleh, saya galakkan sekurang-kurangnya satu organisasi awam mempunyai seorang kakitangan yang mampu berkomunikasi dalam bahasa isyarat dengan baik,"** ujarnya yang percaya bahawa galakan tersebut bakal memudahkan penyuluran dan penerimaan maklumat, aduan mahupun cadangan ketika berurusan dengan pihak pentadbiran.

Dalam pada itu, Sazali yang ditemui berkata, dalam dunia moden, golongan pekak turut tidak ketinggalan dalam memajukan diri, namun beberapa perkara masih diperjuangkan terutamanya

berkenaan kemudahan awam.

"Biasanya, orang lebih simpati kepada golongan cacat fizikal, dan anggap golongan pekak masih 'normal', yang pada hakikatnya adalah tidak.

"Misalnya, kami (golongan pekak) menggunakan jambatan dengan bayaran tol yang sama, namun apabila kenderaan rosak, kami tidak dapat menghubungi pihak pengurusan kerana telefon kecemasan hanya untuk bercakap sahaja," jelasnya yang turut memberikan beberapa contoh kemudahan 'kurang mesra' orang pekak lain.

Bertemakan 'With Sign Language, I am Equal' (Dengan bahasa isyarat, saya setara), program anjuran PDA tersebut bertujuan memberi pendedahan umum bahawa orang pekak juga mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara.


Minggu Kesedaran Orang Pekak Sedunia atau *International Deaf Week* disambut pada minggu terakhir bulan September setiap tahun.

**TAMAN RESIDENSI PANCHOR**  
NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI

Hakmilik Kekal  
5 % Diskaun untuk Bumiputera

## Rumah Teres 2 Tingkat

Jumlah Unit	: 113
Keluasan Tanah	: 20'x 70' (min) 50' x 70' (mak)
Keluasan Binaan	: 20'x 43 (min) 22x 43 (mak)
Harga Jualan	: RM 468,000.00 (min) RM 700,000.00 (mak)



Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:  
**Bahagian Perumahan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Paras 20, KOMTAR  
10503 Pulau Pinang  
Tel: 04-6505 242/6505 244  
Fax: 04-2622 904**

No Lesen Pemaju: 13820-1/12-2016/01285(L) • Tempoh Sah: 23/12/2014 -22/12/2016  
No Permit Iklan dan Jualan: 13820-1/12-2016/01285(P) • Tempoh Sah: 23/12/2014 -22/12/2016  
Pihak Berkusa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP  
No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-67/41  
No Kelulusan Pelan Susunatur: (25A) dlm.MPSP/70/39-67/25B.2 • Tarikh Djangka Siap: Dis 2017  
Bebanan Tanah: Maybank Berhad

# Anak muda dan politik

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**Ahli Parlimen Bukit**  
**Bendera merangkap**  
**Pengarah Eksekutif**  
**Penang Institute**

“Beri aku 1,000 orang tua, niscaya akan kucabut semerus dari akarnya. Beri aku 10 pemuda, niscaya akan kuguncangkan dunia.” (Sukarno)

**APABILA** membicarakan soal penglibatan anak muda dalam kancan politik, umum mengandaikan bahawa anak muda itu sama ada terlalu kritikal atau melecehkan parti politik sama sekali dan sebaliknya lebih cenderung kepada aktiviti bersifat kebudayaan, kesukanan dan kesukarelawanan. Maka tidak hairanlah apabila pendekatan kerajaan dan parti politik dalam mendampingi anak muda akan mengambil bentuk program-program seperti konsert, pertandingan bola sepak dan santai bersama “tweet famous”.

Pandangan sebegini tidak semestinya benar dan merupakan generalisasi sedangkan ketidakcenderungan anak muda dalam organisasi politik bukan sesuatu yang hakiki. Malah, sejak awal lagi penglibatan anak muda dalam gerakan politik tidak dapat disangkakan.

## Sejarah penglibatan anak muda dalam politik

Ketika gerakan nasionalisme di Asia Tenggara sedang memuncak pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, anak muda giat memainkan peranan langsung. Contohnya di Filipina, Andres Bonifacio dan Emilio Jacinto hanya berusia 20-an ketika mengasas gerakan nasionalis Katipunan yang melawan penjajah Sepanyol. Rakan seperjuangan mereka dan seorang wanita, Gregoria de Jesus, hanya berusia 21 tahun ketika menyertai gerakan tersebut pada 1896. Manakala Emilio Aguinaldo pula berusia 29 tahun apabila bendera Republik Filipina dikibarkan buat julung kali pada tahun 1898 dan beliau diangkat menjadi presiden pertama negara tersebut. Tokoh nasionalis terkemuka Filipina, José Rizal, pula mengarang bukunya yang sangat berpengaruh, *Noli Me Tangere* (1887) ketika beliau berusia 25 tahun.

Di Burma, gerakan nasionalismenya juga diterajui pada awalnya oleh organisasi anak muda



**ZAIRIL Khir Johari tidak melepaskan peluang bergambar kenangan dengan komposer terkemuka negara, Datuk Seri Ahmad Nawab sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-78 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri, baru-baru ini.**

seperti Young Men's Buddhist Association (YMBA) yang menganjurkan bantahan terhadap Akta Universiti Rangoon 1920 yang digubal penjajah British untuk mengekang kebebasan pelajar. Ekoran daripada itu, ahli-ahli YMBA menubuhkan parti-parti politik atas dasar nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan. Antara individu penting ketika itu adalah Aung San, tokoh nasionalis Burma. Pada tahun 1938, beliau meninggalkan kampus dan menyertai politik ketika berusia 23 tahun dan menjadi presiden parti Anti-Fascist People's Freedom League pada tahun 1946. Beliau kemudian mengetuai rundingan dengan pihak British dan berjaya menandatangani perjanjian yang menjaminkan kemerdekaan Burma. Malangnya, sebelum sempat melihat hasil usahanya, beliau dibunuh pada tahun 1947 ketika berusia 32 tahun.

Begitu juga halnya di Indonesia, di mana gerakan nasionalisme tidak dapat dipisahkan daripada Kongres Pemuda-pemuda Indonesia pada tahun 1928. Selain berkumandangnya lagu kebangsaan Indonesia Raya buat kali pertama, kongres tersebut juga terperhat dalam sejarah kerana ikrar “Sumpah Pemuda” yang dilafazkan bagi menzahirkan citra Indonesia yang kekal sehingga ke hari ini, iaitu penyatuan bahasa, bangsa dan tanahair. Sesungguhnya, penglibatan kaum muda dalam pergerakan kemerdekaan begitu ketara sehingga Benedict Anderson menggelarkannya sebagai “Revolusi Pemuda”.

Di Malaysia, anak muda tidak kurang jasa baktinya. Sebagai contoh, Saberkas yang merupakan antara gerakan nasionalis pertama di tanahair kita telah ditubuhkan di Kedah semasa zaman Perang Dunia Kedua. Ia merupakan gerakan bawah tanah yang mengambil bentuk koperasi, iaitu Syarikat Bekerjasama Am Saiburi, namun singkatan tersiratnya adalah “sayang akan bangsa, ertina redha korban apa segala”. Pengasas gerakan ini merupakan anak muda termasuk Khir Johari, Senu Abdul Rahman, Abdul Aziz Zain dan ramai lagi di bawah naungan seorang putera raja Kedah, Tunku Abdul Rahman.

Putra.

Di samping memberi perlindungan kepada mangsa landasan kereta api maut Burma yang berjaya melarikan diri ke Kedah, Saberkas juga telah menganjurkan wayang bangsawan di serata Kedah dan Perlis bagi meniupkan semangat nasionalisme rakyat melalui pentas seni. Semasa kelompongan selama dua minggu selepas tentera Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 dan sebelum kembalinya penjajah British, anak muda Saberkas juga memainkan peranan penting dengan menjaga keselamatan orang kampung daripada serangan komunis Bintang Tiga. Ekoran pewujudan Malayan Union pada tahun 1946, Saberkas telah menyertai UMNO dan ramai di antara ahlinya kemudian menjadi pemimpin-pemimpin utama negara.

Selain di Kedah, Peranan anak muda dalam gerakan nasionalisme Melayu di peringkat kebangsaan juga terserlah. Sebagai contoh, Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang merupakan gerakan politik kebangsaan yang pertama di negara kita telah diasaskan oleh Ibrahim Yaacob dan Ishak Haji Muhammad yang masing-masing berusia hany 27 tahun dan 29 tahun pada tahun 1938. Komposisi penggerak KMM juga terdiri daripada golongan anak muda seperti pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris, Kolej Pertanian, Sekolah Teknik Kuala Lumpur, wartawan dan siswazah. Walaupun akhirnya disekat dan ditindas oleh penjajah British, sumbangan KMM terhadap kesedaran nasionalisme di peringkat kebangsaan tidak boleh dinafikan.

## Depolitisasi anak muda

Namun, sebagaimana di bahagian lain dunia, pembangunan negara pada zaman pasca-kolonial menimbulkan keperluan untuk menghasilkan lebih banyak modal insan ekonomi berbanding aktivis politik. Maka di Malaysia, anak muda yang dahulunya menjadi pengasas parti politik kini diasingkan dalam sayap pemuda dan wanita, lantas menyempitkan skop dan peranan mereka dalam konteks kebangsaan. Di universiti yang lumrahnya menjadi medan perkembangan kesedaran politik anak muda pula, undang-undang diperkenalkan bagi menyekat aktivisme mahasiswa dalam parti politik bagi memastikan mereka yang semakin besar bilangannya dapat dikawal dan dikerahkan untuk proses industrialisasi negara.

Maka, parti-parti politik semakin dipenuhi oleh golongan tua dan proses pertumbuhan semula (*regeneration*) berlaku dengan amat perlahan. Pada masa yang sama, semakin sukar untuk anak muda mendaki hieraki dalam parti politik kerana terbenamnya elit-elit lama yang sangat sukar untuk melepaskan jawatan mereka. Trend ini amat malang sekali dan sebenarnya bercanggah dengan perkembangan di serata dunia, khususnya di Eropah, di mana penglibatan anak muda dalam arus perdana politik makin rancak.

Pada tahun 2010 di United Kingdom, umpamanya, tiga orang yang berusia awal 40-an telah berjaya dipilih sebagai perdana menteri, timbalan perdana menteri dan ketua pembangkang. Sweden mempunyai beberapa menteri yang dilantik pada usia 20-an<sup>[1]</sup> sementara menteri luar negeri

Austria kini berusia hanya 30 tahun (beliau dilantik pada tahun 2013 ketika berusia 27 tahun). Beberapa tahun lepas, saya sendiri pernah berjumpa dengan seorang menteri kewangan Serbia yang pada ketika itu berusia kurang daripada 30 tahun. Saya juga berkenal dengan seorang rakan ahli parlmen di United Kingdom yang lebih muda daripada saya dan kini menjawat sebagai menteri muda dalam kementerian pembangunan antarabangsa.

Justeru, sementara negara-negara barat kian memberi peluang dan tanggungjawab kepada anak muda sebagai pemimpin politik, di Malaysia anak muda terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan. Maka sebab itulah anak muda di negara ini secara perlahan-lahan beralih daripada gerakan siasah sehingga mengukuhkan andaian bahawa anak muda tidak minat dengan politik.

## Perubahan dan pembaharuan

Akan tetapi, hal ini mula berubah semenjak kebelakangan ini, khususnya sejak peristiwa “tsunami politik” pada tahun 2008. Pada pilihan raya umum tahun tersebut, ramai anak muda dari parti pembangkang berjaya dipilih sebagai wakil rakyat, baik di parlmen atau di dewan-dewan undangan negeri.

Dengan tambahnya suara anak muda dalam dewan-dewan perundangan negara, maka agenda pembaharuan dapat dipacu sehingga kerajaan pun terpaksa akur dan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bagi membenarkan penglibatan mahasiswa dalam parti politik.

Dalam kebangkitan anak muda yang sedang berlaku ini, tampaknya parti pembangkang merupakan pihak yang paling beruntung kerana menjadi pilihan yang alami buat anak muda dek kerana hierarki parti yang lebih mendatar dan kurang menegak berbanding parti-parti kerajaan, serta keterbukaan parti-parti pembangkang kepada agenda pembaharuan.

Kini, parti pembangkang di Malaysia memiliki ahli parlmen paling muda di negara ini sementara parti pemerintah memiliki ahli parlmen paling tua. Hakikatnya, parti-parti pembangkang mampu membariskan ramai wakil rakyat dalam lingkungan usia 20-an, 30-an dan awal 40-an pada semua peringkat – Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan-dewan Undangan Negeri serta majlis-majlis kerajaan tempatan, manakala amat sukar untuk mencari pemimpin muda dalam kalangan parti pemerintah.

Dengan hampir tiga perempat populasi negara kita terdiri daripada anak muda bawah 40 tahun, jelas golongan ini akan menjadi penentu masa depan negara, baik dari segi ekonomi, sosial atau politik. Justeru, usaha untuk menarik perhatian dan penyertaan anak muda bakal menjadi persaingan yang kritis dalam kancan politik negara kita. Maka, mana-mana pihak yang ingin mengambil kesempatan ke atas demografi ini tidak boleh sekadar bercakap soal peremajaan yang bersifat kulit-kulitan tetapi perlu memberi tumpuan kepada isu dan polemik sebenar anak muda serta memberdayakan mereka sebagai pembuat keputusan. Sesungguhnya, masa depan di tangan anak muda.

**Rumah Terbuka Deepavali**  
**Kerajaan Negeri Pulau Pinang**  
 பிளாஸ்கு மாநில தீபாவளி திறந்த இல்ல ஹபசரிய்டு 2016

**5 Nov. 2016 (Sabtu)**  
**8.00 malam - 10.00 malam**  
**Penang Times Square, Jalan Datok Keramat**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**



**BERSAMA Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong pada Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Pulau Pinang.**

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon <a href="mailto:rashid.hasnon@penang.gov.my">rashid.hasnon@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim <a href="mailto:abdmalik@penang.gov.my">abdmalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookiang@penang.gov.my">lawchookiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi <a href="mailto:ongkokfooi@penang.gov.my">ongkokfooi@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee <a href="mailto:dunjawi@hotmail.com">dunjawi@hotmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalankota@gmail.com">dappengkalankota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekhariah a/l Autheraphy <a href="mailto:atana@first.net.my">atana@first.net.my</a>	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee <a href="mailto:adunan.dunsgbakap@yahoo.com">adunan.dunsgbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarN28@gmail.com">komtarN28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin <a href="mailto:clementyeoh@hotmail.com">clementyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey <a href="mailto:yapoohueydap@gmail.com">yapoohueydap@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrbtengah@gmail.com">pkrbtengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela.ariffin@gmail.com">norlela.ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim <a href="mailto:dapsungainpinang@hotmail.com">dapsungainpinang@hotmail.com</a>	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan <a href="mailto:drjayabalan@gmail.com">drjayabalan@gmail.com</a>	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji <a href="mailto:rsnrayer@gmail.com">rsnrayer@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ <a href="mailto:dappa@streamyx.com">dappa@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria <a href="mailto:datomahmud@umpangroup.com.my">datomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil <a href="mailto:alan658@gmail.com">alan658@gmail.com</a>	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak <a href="mailto:asrolpkb@gmail.com">asrolpkb@gmail.com</a>	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad <a href="mailto:muhasdey@gmail.com">muhasdey@gmail.com</a>	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar <a href="mailto:mudiram@gmail.com">mudiram@gmail.com</a>	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan <a href="mailto:rosli1971@yahoo.com">rosli1971@yahoo.com</a>	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad <a href="mailto:mustafakamalmka@gmail.com">mustafakamalmka@gmail.com</a>	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin <a href="mailto:azmikeadilan@gmail.com">azmikeadilan@gmail.com</a>	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Aziz <a href="mailto:ambasegaria.aam@gmail.com">ambasegaria.aam@gmail.com</a>	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail <a href="mailto:mtuah17@gmail.com">mtuah17@gmail.com</a>	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid <a href="mailto:halilsabri.hsh@gmail.com">halilsabri.hsh@gmail.com</a>	017 - 460 4849

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KASTAM	04-262 2300	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
IMIGRESEN	04-250 3419	FERI (GEORGETOWN) ( BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	JAMBATAN PP	04-398 7419
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOCSCO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

### PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Tunggal			N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Permatang Berangan	: 019 - 556 4664	- R. M Reza	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Sungai Dua	: 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Telok Air Tawar	: 016 - 463 3866	- Malik Bakar	N28	KOMTAR	: 012 - 423 3227	- Ch'ng Chin Keat
N8	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N29	Datok Keramat	: 010 - 811 7300	- Benji Ang
N9	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Razin
N10	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Kalvinder
N11	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Shuen
N12	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	N33	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N13	Penanti	: 013 - 595 6865	- Rosli	N34	Paya Terubong	: 012 - 4730736	- Anne Janet
N14	Berapit	: 04 - 538 2871	- Tira	N35	Batu Uban	: 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N15	Machang Bubuk	: 04 - 538 3871	- Mr.Lim	N36	Pantai Jerejak	: 016 - 480 0232	- Frankie Kee
N16	Padang Lalang	: 016 - 401 3507	- Yeo Ee Yee	N37	Batu Maung	: 016 - 487 8602	- Jalal
N17	Perai	: 017 - 446 1817	- Andrew Chin	N38	Bayan Lepas	: 016 - 205 1185	- Khairul
N18	Bukit Tengah	: 012 - 474 0964	- Ikhwan	N39	Pulau Betong	: 016 - 480 6158	- Sathyra
N19	Bukit Tengah	: 012 - 473 0964	- Chan	N40	Telok Bahang	: 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
N20	Bukit Tengah	: 017 - 552 8928	- Lai			: 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N21	Bukit Tengah	: 014 - 945 9786	- Selvi				- Danny Ho
		: 04 - 399 6689	- Lim Tuan Chun				- Firdaus
		: 013 - 518 8735	- G.Dumany				- Zulkifle Ahmad
			- Khor				- Johan Abu Bakar
			- Abdul Halim				
			- Mr. Khor				
			- NorJul				

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

**SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG**

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

**Nota:**

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razzaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan  
Pulau Pinang Dis. 2016**

[www.penangjazz.com](http://www.penangjazz.com)



**1 - 4 Disember 2016**


Venue :  
Bayview Beach Resort, Hard Rock Hotel,  
Tropical Spice Garden, 23 Love Lane

**3 & 4 Dis** (Sabtu & Ahad)  
Gardens, Bayview Beach Resort

**"Jazz by the Beach" PENTAS UTAMA**

Tiket: RM85.00 sehari  
(Termasuk RM3.00 fee masuk & GST)  
**FREE STANDING**

Maklumat Tiket:  
[www.ticketplus.com.my](http://www.ticketplus.com.my)



**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**  
YAP LEE YING  
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,  
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**  
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING  
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD  
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**  
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
Email: [buletinmutiara\\_bpkn@gmail.com](mailto:buletinmutiara_bpkn@gmail.com)

# PIP tangani masalah trafik & pelengkap usaha KN dalam penyediaan RMM

**PELAN** Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) bukan sahaja terdiri oleh rancangan pemajuan 'Island Link' serta pembinaan sistem pengangkutan awam bersepadu seperti transit aliran ringan (LRT), monorel dan bas transit rapid (BRT) dan sebagainya.

Bahkan, pelan solusi cabaran trafik sesak pada masa depan itu turut akan menyediakan bank tanah untuk pembangunan taman industri negeri serta kawasan perumahan awam kelak.

SRS Konsortium selaku rakan pelaksana projek (PDP) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri merancang kerja-kerja menambak laut, mungkin mewujudkan tiga pulau buatan seluas kira-kira 404 hektar.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, cadangan projek tebus guna tanah tersebut adalah demi membayai kos pembangunan semua projek PIP.

"Setakat ini, inilah modal kewangan yang dicadangkan kepada Kerajaan Negeri, dengan cadangan penambakan laut ini demi memastikan semua projek di bawah PIP menjadi milik Kerajaan Negeri dan rakyat kelak," jelasnya sebelum ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pula menyatakan bahawa bahagian bank tanah tersebut mampu mengisi kira-kira 24,000 unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori tidak lama lagi.

Sungguhpun Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini senantiasa mencari jalan untuk menyediakan rumah mencukupi untuk rakyat di negeri ini, masih ada pelbagai cabaran lain.

Antaranya, isu lebih 60 peratus pemohon pinjaman perumahan ditolak oleh institusi perbankan ketika ini.

Kesan berantainya, jumlah transaksi jual beli harta tanah menurun sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2014 berbanding 2013, dan terus menurun 16 peratus pada tahun lalu.

Berdasarkan statistik suku pertama (Q1) tahun 2016, nilai transaksi jual beli RMM semua kategori direkodkan sebanyak RM324.72 juta sahaja, berbanding RM401.48 juta pada tahun 2015, dengan gambaran penurunan jumlah jual beli harta tanah adalah sebanyak 23.6 peratus.

Untuk Q1 tahun 2016 (Januari hingga Mac), jumlah jualan

kondominium atau pangaspuri adalah sebanyak 537 unit berbanding tempoh sama pada tahun 2015, berjumlah 655 unit, iaitu penurunan sebanyak 22 peratus.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru mendapatkan reaksi belia sendiri, mengenai isu keperluan memiliki rumah idaman pertama mereka.

Kerani pentadbiran, **MUHAMAD ISMA IZWAN**, 24, berkata, rata-rata golongan muda tentu berharap pihak perbankan dapat melonggarkan kembali syarat kelayakan permohonan pinjaman RMM pertama.

"(Transaksi hartanah) ini lebih menarik untuk dilihat sekiranya Bank Negara Malaysia (BNM) boleh melonggarkan garis panduan pinjaman yang ketat."

"Ini kerana, ia pasti akan membantu golongan muda yang bekerja untuk membeli rumah pertama mereka," responsnya.

Selanjutnya belia sanggup mengambil risiko membeli rumah pertama dengan membuat pinjaman peribadi dalam tempoh bayar balik sesingkat 10 tahun, maka, kadar bayaran balik sudah pasti begitu tinggi.

Bolehkah bank melanjutkan skim pinjaman peribadi dalam tempoh 30 hingga 40 tahun, supaya kadar bayar balik lebih rendah untuk belia?

"Jumlah RMM di Pulau Pinang adalah terhad dan ia tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi."

"Kerajaan Negeri perlu tampil dengan projek-projek perumahan



**MUHAMAD Isma Izwan.**

yang mampu dimiliki untuk membantu belia seperti saya dapat memiliki rumah pertama mereka," tambah Muhamad Isma.

#### Hargai Kerajaan Negeri

Di Pulau Pinang, kini terdapat 39 projek perumahan mampu milik, termasuk 12 projek Kerajaan Negeri.

Baki, 27 projek perumahan mampu milik dibina oleh pemaju swasta.

Semua unit RMM Jenis C di negeri ini dijual pada harga RM150,000 hingga RM300,000. Rumah Mampu Milik Jenis B (Kos Sederhana Rendah) berharga RM72,500, manakala, Rumah Mampu Milik Jenis A (Kos Rendah), RM42,000.

#### Lambakan Produktiviti

Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau



**MUHAMMAD Lukman Hakim Muhammad Nazari.**

Pinang mendedahkan, sehingga April lalu, terdapat kira-kira 7,540 unit RMM.

Perancang bandar, **NURAMIRAH ROSLI** berkata, Kerajaan Negeri memang bertungkus-lumus menyediakan RMM, namun perlu ada dorongan daripada bank kepada belia yang mahu membuat pinjaman perumahan.

Jika tidak, jelasnya, akan berlaku lambakan produktiviti (*over production*), iaitu lambakan rumah disebabkan belia tidak mampu memiliki rumah idaman pertama mereka.

"Kebanyakan rumah di sini (Pulau Pinang) adalah mahal dan belia seperti saya tidak mampu.

"Saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan kategori perumahan mampu milik dengan harga paling berpatutan, mengambil



**NURAMIRAH Rosli.**

kira keadaan ekonomi semasa dan kenaikan kos sara hidup rakyat yang kian tinggi," syornya.

#### Cabar Diri

Seorang lagi responden, **MUHAMMAD LUKMAN HAKIM MUHAMMAD NAZARI** juga berpendapat bahawa isu pokok adalah belia sukar membeli RMM yang Kerajaan Negeri tawarkan kepada mereka.

Beliau yang bekerja dalam industri pembinaan di Pulau Pinang sendiri masih membuat kira-kira untuk membeli rumah pertamanya, kerana dilihat agak mahal.

Pun begitu, menurut beliau, fokus Kerajaan Negeri merealisasikan PIP mampu mengurangkan risiko trafik sesak pada masa hadapan.

Selain usaha Kerajaan Negeri, jelasnya, belia sendiri mesti berani menjana pendapatan sampingan secara pasif dengan terlibat dalam transaksi pelaburan harta tanah pada masa hadapan.

"Sudah tentu anda tidak mampu membayar sebuah rumah atau sebuah apartmen bernilai lebih daripada RM500,000 jika pendapatan (bulanan) RM3,000 atau kurang.

"Hakikatnya, terdapat banyak rumah-rumah dengan harga sekurang-kurangnya RM600,000 di Pulau Pinang, mungkin sudah tiba masanya untuk mula berfikir tentang pendapatan pasif.

"Apabila terdapat banyak sumber pendapatan, mungkin, InshaAllah, rumah-rumah yang anda hanya mampu untuk melihat atau impikan, satu hari nanti menjadi milik anda," kata Muhammad Lukman Hakim dengan penuh semangat.



**ILUSTRASI** artis projek perumahan Bandar Cassia, Batu Kawan.

# Perpustakaan Digital P. Pinang, 'kilang pintar' KN agresif lahir generasi celik STEM

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : LAW SUUN TING

**DATUK KERAMAT** — Perpustakaan Digital Pulau Pinang dekat sebuah bangunan warisan berhampiran sekolah British tertua di Asia, Penang Free School yang berusia 200 tahun secara rasminya dibuka kepada orang awam mulai 8 Oktober lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembukaan Perpustakaan Digital Pulau Pinang atau *Penang Digital Library* itu menjadi satu lagi mercu tanda bersejarah bahawa Kerajaan Negeri begitu agresif dalam melahirkan generasi celik STEM atau *Science, Technology, Engineering and Mathematics*.

"Sebelum ini, telah diwujudkan *Penang Science Cluster, Tech Dome Penang* (TDP) dan pendidikan vokasional Jerman (iaitu) kerja sambil belajar *German Dual Vocational Training* (GDVT).

"Ini satu lagi, *Penang Digital Library* umpama perpustakaan digital pertama negara yang menyediakan lebih 3,000 e-buku, jurnal akademik, majalah dan sebagainya atas talian secara bebas.

"Kerajaan Negeri amat agresif dalam mempromosi dan membangunkan pengajaran serta pembelajaran dalam STEM agar menjadikan Pulau Pinang pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

"Ini penting kerana Pulau Pinang harus menyertai Revolusi Industri 4.0 supaya kita tidak ketinggalan dalam industri 'kilang pintar' yang akan menjadi teras teknologi masa depan," katanya pada Majlis Perasmian Perpustakaan Digital Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Datuk Keramat), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong), Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) dan S. Barathi (Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri, CMI).

Turut serta, Pengarah Hospitality & Lifestyle Kumpulan Eastern & Oriental Berhad (E&O), Michael Saxon serta Presiden Keysight Technologies Malaysia dan Singapura, Datuk Gooi Soon Chai. Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, revolusi perindustrian pertama mengenai kejenteraan,

disusuli revolusi kedua mengenai kuasa elektrik dan produktiviti, manakala, revolusi ketiga adalah mengenai internet serta komputer telahpun ditempuh dunia sebelum ini.

"Kehadiran revolusi perindustrian keempat yang berkisar mengenai Analisis Data Besar (BDA) & Data Terbuka (OB), Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*) dan Internet Untuk Segala-Galanya (IOT)," jelasnya.

Pada 2 Jun lalu, Guan Eng mengumumkan hasrat menubuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang dengan mengumumkan sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM1 juta.

Ketika itu, E&O turut menyumbang RM1 juta, manakala Keysight Technologies dan TIME masing-masing RM350,000 dan RM120,000.

# Penang Goes Orange 2016

**KEGANASAN** siber bukan perkara asing kepada masyarakat Malaysia. Hakikatnya, ia sering berlaku dalam kehidupan harian kita. Keganasan siber mungkin berlaku kepada rakan-rakan rapat kita, adik-beradik, dan juga diri kita sendiri. Bulatan sosial di dunia maya adalah begitu besar. Dunia maya merapatkan kita dengan mereka yang berada di seluruh dunia, tetapi juga menimbulkan masalah sosial.

Laporan mengenai pemangsa dan buli siber, yang mungkin berakhir sebagai kes-kes serangan seksual telah dilaporkan oleh media massa setiap hari. Pemangsa boleh memancing mangsa dengan menggunakan aplikasi telefon, dan ini semudah itu.



Menurut kaji selidik Keselamatan Internet oleh Telenor, 37% murid sekolah di Malaysia pernah dibuli online atau dijadikan subjek keganasan siber. Hasil kajian baru-baru ini di Malaysia juga menunjukkan tiada perbezaan ketara di antara gender

dan usia dalam aktiviti buli siber. Ini bermaksud buli siber berlaku kepada perempuan dan lelaki, tanpa mengira usia mereka. Satu lagi penemuan menarik adalah bahawa mereka yang menghabiskan 2 hingga 5 jam online dilaporkan lebih cenderung dianiyai dan terlibat dalam buli siber berbanding dengan mereka yang menghabiskan kurang daripada sejam online setiap hari.

## Hentikan Keganasan Siber

Ancaman terhadap kesejahteraan sosial patut diberi perhatian. Oleh itu, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bersama

dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah melancarkan Kempen Penang Goes Orange (PGO). Kempen peringkat negeri ini bertujuan untuk menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita (VAW) dan telah dijalankan sejak 2014. Tema untuk tahun 2016 adalah "Hentikan Keganasan Siber".

"Hari Orange" diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mewujudkan kesedaran dan mendapatkan orang ramai untuk bersama-sama menamatkan keganasan terhadap wanita dan gadis. Warna oren melambangkan keyakinan dan masa depan yang bebas daripada keganasan terhadap wanita dan gadis.

PGO2016 akan menggunakan buah oren sebagai peringatan mengenai keganasan terhadap wanita. Satu pertandingan media sosial akan dimulakan untuk menggalakkan orang ramai memuat naik gambar kreatif dengan buah oren. Pemenang akan membawa pulang hadiah wang tunai yang akan diberikan semasa majlis penutup kempen pada 10 Disember 2016.

Majlis pelancaran PGO akan diadakan di KDU Penang University College pada 25 November, 2016, pukul 9.30 pagi. Untuk maklumat lanjut, sila menghubungi PWDC di 04-261 2835 atau emel [kamei.cheong@pwdc.org.my](mailto:kamei.cheong@pwdc.org.my).

## Kepimpinan Wanita dalam Kerajaan Tempatan

**APAKAH** status perwakilan wanita dalam kerajaan tempatan di seluruh dunia? Jawapannya ialah, kita tidak tahu. Ini adalah kerana tidak ada statistik mengenai perwakilan wanita dalam kerajaan tempatan dan ia merupakan suatu jurang bakat yang ketara.

Peranan wanita sebagai pembuat keputusan dan pemimpin telah dibahaskan di peringkat global, nasional dan tempatan. Tetapi, wanita masih kurang diwakili dalam bidang ini. Situasi ini secara langsung menghadkan hak politik wanita dan boleh menyekat hak-hak wanita dalam banyak bidang lain. Ini disebabkan perbadanan kerajaan peringkat kebangsaan dan tempatan bertanggung-jawab merangka, melaksana dan memantau undang-undang, dasar dan bajet untuk semua lapisan rakyat. Malangnya, situasi ini tidak berubah walaupun ia telah terbukti berkali-kali melalui penyelidikan, bahawa penyertaan wanita dan kepimpinan dalam kerajaan akan memperbaiki cara keputusan dibuat dan bentuk kepimpinan yang diamalkan. Menurut Perbadanan Bangsa-bangsa Bersatu, terdapat bukti kukuh bahawa perwakilan wanita dalam kerajaan tempatan membawa kebaikan yang ketara. Projek panchayats dengan Pihak Berkuasa Tempatan di India mendapat bilangan projek air minuman di kawasan yang dipimpin ahli-ahli majlis wanita adalah 62 peratus lebih tinggi berbanding dengan yang dipimpin oleh kaum lelaki sahaja. Di Norway, didapati kehadiran wanita dalam kerajaan tempatan telah mengakibatkan lebih banyak kemudahan pusat jagaan kanak-kanak didirikan.

Penyertaan dan perwakilan wanita dalam kerajaan tempatan kurang didokumentkan secara global. Di Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) berhasrat untuk mengubah tren itu dengan meningkatkan perwakilan wanita secara substantif dalam kepimpinan kerajaan tempatan. PWDC menyedari kepentingan penglibatan wanita dalam proses membuat keputusan di peringkat kerajaan. Justeru itu telah



SATU forum bertajuk "Cara untuk menjadi ahli majlis yang gender sensitif" bersama Ahli-ahli Majlis sebagai sebahagian daripada sesi latihan "Wanita dalam Kepimpinan Tadbir Urus Tempatan".

menganjurkan sesi latihan tahunan - "Wanita dalam Kepimpinan Tadbir Urus Tempatan". Latihan ini adalah sebahagian daripada usaha advokasi yang dilaksanakan oleh PWDC, sejak ditubuhkan pada akhir tahun 2011.

Sehingga kini, PWDC telah melatih seramai 87 orang peserta dan 6 alumni telah dilantik sebagai Ahli Majlis bagi kerajaan tempatan, iaitu bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Program Pemerksaan Wanita dan Kepimpinan (WEL), telah memainkan peranan penting dalam membolehkan dan mengukuhkan penyaluran pemimpin wanita ke dalam kerajaan tempatan. Bagi tahun 2016, 30 orang pemimpin wanita berbakat akan menyertai sesi latihan WEL yang akan berlangsung dari 21-23 Oktober 2016. Bagi memastikan program-program kami mencapai objektifnya, PWDC mengadakan perbincangan bertumpu dengan ahli-ahli majlis wanita dari kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengenalpasti strategi dan isi kandungan latihan yang relevan, berkesan, dan menarik.

Bersama-sama kita meningkatkan perwakilan wanita sebagai pembuat keputusan dan pemimpin, meningkatkan akses wanita kepada hak-haknya dan sumber yang sedia ada, dan akhirnya, merealisasikan kesaksamaan gender di negeri Pulau Pinang.



AHLI-ahli majlis wanita dari MBPP dan MPSP menyertai sesi perundingan di pejabat PWDC mengenai strategi dan isi kandungan untuk sesi latihan.

## Kepentingan Partisipatori Rakyat Dalam Perancangan Bajet Tahunan

**RAKYAT** merupakan penyumbang kepada sumber pendapatan negara, negeri dan kerajaan tempatan. Sumbangan ini adalah berbentuk cukai yang dikutip oleh pihak kerajaan sepanjang tahun. Oleh itu, rakyat merupakan rakan kongsi utama bagi kerajaan.

Kerajaan negeri Pulau Pinang memperkenalkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Maka, *Gender Responsive & Participatory Budgeting* (GRPB) memang berketalan. GRPB adalah satu pendekatan dalam menyediakan bajet dan merangka dasar dengan mengambil kira keperluan yang berbeza oleh kelompok masyarakat yang berlainan, terutamanya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan melalui penyertaan rakyat. Ini selari dengan hasrat kerajaan Pulau Pinang yang menekankan negeri "berasaskan rakyat".

Beberapa komuniti Pulau Pinang telah terlibat secara langsung dan mendapat manfaat dalam menentukan keperluan yang mereka kehendaki. Ini tentu juga bergantung kepada kebolehlaksanaan dan keutamaan di peringkat kerajaan tempatan. Sebagai contoh, pendekatan GRPB telah dijalankan di PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan sehingga komuniti kini berjaya menguruskan kontrak pembersihan mereka sendiri. Perasaan empunya-milik tempat tinggal mereka semakin meningkat.



SR Haji Rozali Haji Mohamud membentangkan hasil kaji selidik dari soal selidik bajet MPSP 2017 semasa sesi 'Town Hall' Dialog Bajet MPSP 2017.



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 2757 : ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN - 75050813**** 93A BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2769 : RIZANI BINTI ISMAIL - 74100108**** 20 LORONG TELUK AIR TAWAR 1, TAMAN TELUK AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2782 : MOHD SYAKIRIN BIN HARUN - 74062802**** NO. 211 GUAR JERING, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM ANUAR BABU HASSAN - 61112407****	No Akaun Peminjam	: 2793 : HAMZOL ASWAR BIN JUSOH - 74042702**** NO. F 35, KAMPUNG RANTAU PANJANG 09800 SERDANG, KEDAH
Penjamin 1	: AMIR HAMZAH BIN OTHMAN - 64041407**** A-9-4 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HAZRI BIN ISMAIL 50 JALAN SRI DESA , KAMPUNG BESAR 13300 TASEK GELUGOR	Penjamin 1	: HAZRIN BIN ISMAIL - 71121207**** NO. 23 JALAN BP 5, TAMAN BAYU PERMAI 48000 RAWANG, SELANGOR	Penjamin 1	: MOHD SYAKIRIN BIN HARUN - 74062802**** NO. 211 GUAR JERING, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: MOHD AROP B HJ SENAWI - 52062907**** 22-E BLOK K, MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2		Penjamin 2	: JAFAR BIN HJ HARUN - 60020507**** 645 GUAR JERING, 14400 KUBANG SEMANG , BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ROSIDI BIN HUSSIN - 64042808**** NO. 593 JALAN MUTIARA 5/3, TAMAN MUTIARA, SUNGAI KOB 09700 KARANGAN, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 2814 : TEH SENG WEE - 65060407**** 300 LORONG KEMPAS 1/5, TAMAN KEMPAS, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2819 : M ELAKUMANAN A/L K MARIMUTHU - 72022107**** 4D-11-24 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2899 : STEPHEN SUTHAKAR A/L AROKIASAMY - 69082302**** NO. 36 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 2915 : EFFINDI TAN ABDULLAH - 59073107**** NO. 1639 JALAN 18/46, TAMAN SRI SERDANG 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1	: TEH SENG HUAT - 4602*** 45 LORONG SEGEMAL 3, TAMAN SEGEMAL 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: K MARIMUTHU - (MENINGGAL DUNIA) 4D-1124 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: PAUL MOHAN A/L AROKIASAMY - 64050207**** C-02-05 APARTMENT SRI PINANG, TAMAN SRI PINANG, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MUZIR BIN AB MANAN - 61013005**** 38 JALAN HARMONIUM INDAH 1, TAMAN HARMONIUM INDAH, KEPAYANG 72000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 2	: TEOH SAY THENG - 66072608**** NO 9 LORONG MUZAFFAR SHAH, ASSAM KUMBANG 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 2	: SARASWATHY A/P NARAYANASAMY - 53012307**** 4D-11-24 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MUNIANDY A/L GOVINDASAMY - 66012402**** 5719 JALAN BAGAN LALANG, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: ROSLI BIN SAADAN - 56061704**** NO. 26 JALAN 4/5 , KAMPUNG TASIK TAMBAHAN 68000 AMPANG, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 2920 : TAN SIEW LING - 72123007**** 101-11-02 GAMBIER HEIGHTS, PERSIARAN BUKIT GAMBIER 1, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2922 : YAP LIAN KEAT - 72080507**** 24 JALAN SENANGIN, TAMAN SENANGIN 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2954 : THEVANTHAREN A/L MUNIANDY - 73022407**** C-14-25 MENTARI COURT, JALAN PJS 8/9, TMN SERI MENTARI	No Akaun Peminjam	: 2976 : LEE YEE WOOI - 72032907**** NO. 14 LORONG CERMAL 7, TAMAN CERMAL 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: NG HEE KIANG @ ENG HEE WEH - 47071502**** 1 HALA DAMAI, TAMAN ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: YAP LIAN KING - 68120802**** 09-03 BLOK ADATIN HALIMAH CONDOMINIUM, JALAN DATIN HALIMAH, LARKIN 80350 JOHOR BAHRU, JOHOR	Penjamin 1	: 46150 PETALING JAYA, SELANGOR GUNALAN A/L RANGASAMY - 1560*** 41 JALAN BAYAN KECIL 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1	: OOI OH CHIN - (MENINGGAL DUNIA) 6798 JALAN MELUR, JALAN RAJA UDA, 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: TAN PHAIK YANN - 70070807**** 101 JALAN BUKIT IDAMAN 1, TAMAN BUKIT IDAMAN 68100 BATU CAVES, SELANGOR	Penjamin 2	: LOW HOE SUN 382 LORONG CENGAI MERAH, TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 2	: AHMAD JAAFAR BIN ABD RAHMAN - 4971*** 26 JALAN TIONG, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2	: LEE BAK NGOH - 39081408**** 19 MEDAN MELUR SELATAN, 12300 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 2997 : SANTHY A/P SUBBARAU - 74011707**** POLITEKNIK BANTING SELANGOR, D/A KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT 42700 JALAN UBI, BANTING, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 3003 : SURAYA BINTI SALIM - 73123007**** 99E-13-5, 1- REGENCY CONDOMINIUM, JALAN BUKIT GAMBIK, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3004 : MD RUSLI BIN ISMAIL - 74033102**** 79 PERSIARAN CEPOR 10, TAMAN MAS CEPOR 31200 CHEMOR, PERAK	No Akaun Peminjam	: 3010 : ISMAIL BIN ISHAK - 72032907**** KB-2-1 TAMAN FREE SCHOOL, GEORGETOWN 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SUBBARAU A/L PARADESI - (MENINGGAL DUNIA) 74 A TAMAN SEJAHTERA, BAKAR ARANG, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: SUHAIMI BIN ZALAY @ ZALI - 63020507**** 56 MUKIM 12 SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAKARIA BIN TALIB - 51121007**** 1463 PERMATANG BOGAK 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: AYU KHAN BIN AHMED KHAN - 66081007**** NO. 80 LEBOH BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SATHIAVATHI A/P SUBBARAU - 65062302**** 19 JALAN 2/3, BANDAR BARU SELAYANG 68100 BATU CAVES, SELANGOR	Penjamin 2	: FOUZI BIN ROSLI - 60110607**** 26 LORONG NIPAH 8, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZULKAFLI BIN HASHIM - 62070407**** 67 JALAN SERAMBI U8/32, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR	Penjamin 2	: ABDUL RAHIM BIN ISHAK - 59032507**** 21 SOLOK BUKIT JAMBUL 4, BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 3026 : FAZIDAH BINTI AADENAN - 74080507**** NO. 2369 RANTAU PANJANG, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 3039 : KANG SWEE HUA - 70100907**** A-4-3 IDAMAN PUTERA, 7 JALAN 6/21D, MEDAN IDAMAN 53100 GOMBAK, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 3054 : PRA BHAKARAN A/L THIYAGARAJAN - 70090207**** A-19-01 KELANA MAHKOTA CONDOMINIUM, JALAN SS/19, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 3056 : AIDA BT MOHAMED ARIFFIN - 70090707**** NO. 18 JALAN ROS , KAMPUNG ISTANA, BATU PAHAT 83000 JOHOR
Penjamin 1	: ROHIM BIN MOHAMED - 61031407**** NO. 346 JALAN TIRAM 5, TAMAN TIRAM, LUNAS, 09600 KEDAH	Penjamin 1	: GON MONG YEE - A0529**** N2-01-06 GOODYEAR COURT 7, JALAN USJ 14/1, SUBANG JAYA 47630 SELANGOR	Penjamin 1	: KUPPUSAMY A/L MUTHUKANIU - 47102807**** NO. 16 JALAN TEMBUSU , TAMAN PUYU, BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: HASNAH BT MOHAMAD - 45110407**** 473A JALAN KENANGA 1/2, TAMAN KENANGA, SEKSYEN 1, 75200 MELAKA
Penjamin 2	: ABDUL MALIK BIN ZAKARIA - 70111107**** NO. 2 LORONG RUPAWAN INDAH 4, TAMAN RUPAWAN INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: TAN YEN SHYANG - A1079**** 11A LORONG JERNIH 5, TAMAN JERNIH, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NADARAJA A/L TANIMALAY - (MENINGGAL DUNIA) 17 LORONG RUSA LIMA , TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ABD WAHAB BIN MD ISA - 59091002**** 174-G KAMPUNG MASJID, 08300 GURUN, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 3058 : CHEONG KAH HING - 72071910**** 35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 3073 : GERALD CHIN CHUNG PENG - 71050607**** 2-3-8A BANGUNAN LIP SIN, LEBUH PEKAKA 1, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3076 : LEE KAH HEONG - 71042007**** 97-1 UNIVERSITI HEIGHTS, JALAN SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3082 : SARAVANAN A/L KAMALASEGARAN - 72012107**** NO 144 LORONG MESRA, TAMAN KEENWAYS 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: CHEONG WENG CHOY - 42122507**** 35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI	Penjamin 1	: YEOH SAW SIEW - 71123107**** 152 LEBUHRAYA BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KEE HAI GAIK - 41100907**** 840 JALAN BESAR 14200 SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1	: SIVASUBRAMANIAM A/L AYYAVU - 62100107**** 32 LORONG BELIBIS 21, TAMAN TANGLING 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2	: CHEONG KAH POH - 69011710**** 35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI	Penjamin 2	: CHIN WOOI LEONG - 45100409**** 1-6-2 DESA MEDURA, RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KEE BOON KEAT - 64012107**** 1440 TAMAN SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2	: ALEXANDER A/L RAJAGOPAL - 70082207**** NO. 9 MUKIM 15, KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 3090 : SUMATHI A/P SATHASIVAM - 73111207**** NO. 1 JALAN SUASANA 2/1, BANDAR TUN HUSSIEN ONN 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 3110 : WONG KAH SENG - 72021407**** 19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 3132 : SIM CHOOI BENG - 74092207**** 653 JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 3140 : TNEH AIK HONG - 74060107**** NO. 43 LORONG MURNI 24, DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: TANGAYA A/L SAMINATHAN - (MENINGGAL DUNIA) 1193 JALAN KULIM, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: WONG KIM CHOOON - 46093007**** TBP 83 JALAN KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SIM CHOOI LY - (MENINGGAL DUNIA) 1657 JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: GOH KHOON SENG - 59083107**** 72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: GOVINDAN A/L SAMINATHAN - (MENINGGAL DUNIA) 36 LORONG KANTAN 1, TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: GOH POH YEAN - 72061307**** 19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LIM LILY - 64052078**** 10 TINGKAT PERPADUAN 2, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: TNEH AI NEE - 62111207**** 72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 3145 : POON BOON JOON - 74061007**** NO. 11 JALAN INDAH 1/7, TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 3150 : LOK ENG HIN - 73122807**** 32 JALAN MOULMEIN 10350 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3213 : TAN HOOI BEE - 74120610**** 7-11-02 JAY SERIES, GREENLANE HEIGHTS, JALAN GANGSA 10600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3237 : TEOH SAY SEE - 71122607**** 80 JALAN IMPIAN SATU, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: POON SOO HOI@PUN SOO HOOI - 48030807**** NO. 11 JALAN INDAH 1/7, TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR	Penjamin 1	: LOK BAN HOCK - (MENINGGAL DUNIA) 32 JALAN MOULMEIN, 10350 PULAU PINANG	Penjamin 1	: TANG CHIN TEONG - 4871*** 5685-J MAI MANDIN, BLOK B, 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: TEOH CHENG KANG - (MENINGGAL DUNIA) 6 TINGKAT BINJAI 30, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: LEE KOOI BENG - 62081202**** NO. 1579 LORONG 31, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH	Penjamin 2	: LOK CHOOON EAN - 69091607**** 32 JALAN MOULMEIN, 10350 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AARON TAN LYNN FOONG - A2237*** 7-11-2 JAY SERIES , GREENLANE HEIGHTS, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN BENG SOON - 41031007**** 42-4-10 JALAN VAN PRAAGH, WEST JELUTONG 11750 P



**Buka Untuk Jualan**


## BUKIT MERTAJAM WELLESLEY

**18 UNIT KEDAI  
PEJABAT 3 TINGKAT  
DARI RM  
1,246,000.00**

**5 % DISKAUN  
UNTUK  
BUMIPUTERA**

**Projek : Cadangan Untuk Mendirikan 18 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat ( Plot 1-18) dan 1 Unit Bangunan Perniagaan 6-Tingkat (Plot 19) Dengan Tempat Letak Kereta Di separuh Basement ( Hak Milik Bersama)**

**PEMAJU**



**Kelulusan Merancang : MPSP/70/39-54/9  
Kelulusan Bangunan : MPSP/40/20-54/5**

**Keluasan : 20' x 57' dan 20' x 70'**

**SILA  
HUBUNGI**  
**04-539 9898  
04-538 4898**



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 3278 : TAN LAN HOOI - 63060307**** NO.2 JALAN PERLIS 10400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3292 : THIRUVARUTSELVAR A/L MUNIANDY - 70062507**** 41 JALAN DATO HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 3313 : NORIZAHAM BIN OMAR - 69122407**** 58 TAMAN KELISA, JALAN ISTANA, LUBUK KAWAH 06000 JITRA, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 3317 : BADRUL ZAMAN BIN ABDULLAH - 69022107**** 2-16 BLOK C1 JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: CHENG KEE CHOON - 53061707**** 205 P JALAN HAMILTON 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NAGALINGAM A/L KATTAMUTHU - 57020602**** 157 TAMAN KOBIS, JALAN PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN HASHIM - 43040407**** 8142 PERMANTANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: BANI HUSAIN BIN MD YUSOF - (MENINGGAL DUNIA) 11A LORONG SIAKAP 14, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2	: LOO AH KOO@LOH PENG KEUN - 37093002**** BLOK KL-42, TAMAN FREE SCHOOL 10600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TULISI NATHZAN A/L MURUGAYA - 52032102**** A7-02-04 JALAN TUNA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: SALEH BIN HASHIM - (MENINGGAL DUNIA) NO. 483 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: AHMAD OSMANI BIN MOHAMED HASHIM - 54033007**** 26 LORONG TERINA, TAMAN INDAH, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 3319 : DAVID A/L SAMINATHAN - 67021007**** E-4-3 KUARTER INST PENDIDIKAN, SEK MENKEB LUNAS 09600 JLN PADANG SERAI, LUNAS	No Akaun Peminjam	: 3324 : SYED AHMAD FUAD BIN SYED MUHAMMAD - 69071612**** NO. 420 JALAN BPJ 3A/10, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 3327 : MOHD ALI BIN ISMAIL - 68032307**** NO. 16 LENGKOK BAWAH, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 3328 : FAZILAH BINTI ABDULLAH - 70062607**** B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1	: CECILIA A/P ANTHONYSAMY - 5643*** NO. 32 LORONG BELATUK 4, TAMAN BELATUK 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: TALIP BIN HUSSIN - 56110204**** NO. 6 JALAN TERATAI J4/8, TAMAN INDAH JAYA 36000 TELUK INTAN, PERAK	Penjamin 1	: AZIZ BIN IBRAHIM - 60061571**** NO. 28 PERUMAHAN KASTAM KANGAR, JALAN KAMPUNG PONDOK 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1	: SITI ROHANI BINTI SIRON - 44090102**** B-16 RUMAH TRANSIT 2, 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: LOUIS A/L D AROKIASAMY - 1683*** 47 PERSIARAN MERBUK, TAMAN BAHAGIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: SHUHAMMI B ANNUR - 60101607**** 339 MK5, KG PETANI, PENANTI, 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MASDAR B ABD RASHID - (MENINGGAL DUNIA) 9 KG TERANG, BALIK PULAU, 11000 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KAMAL BIN SIRON - (MENINGGAL DUNIA) BLOK 9-1-2 JALAN TENGAH , BANDAR BAYAN BARU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 3334 : ZAHAIR BIN ZAINUL ABIDIN - 69052207**** NO. 7 TAMAN PUTRA PUTERI, KANGAR 01000 PERLIS	No Akaun Peminjam	: 3384 : SIM KEAN CHYE NO. 1 TASIK 14000 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 3386 : TOH CHENG BOK - 62021907**** NO. 28-H JALAN 3, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 4001 : BATHUMAVATHY A/P SUPPIAH - 72050507**** NO.3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MD JAMIL BIN MD HANIFF - 54091802**** NO. 18 JALAN BELIBIS 19, TAMAN PERLING, JOHOR BAHRU 81200 JOHOR	Penjamin 1	: TAN CHUN BOO 349 TASIK 14000 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: QUAZI BIN ABDUL HALIM - 9533*** 150 LOWER CRESCENT, BUKIT GLUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: PIRAHALATHAN A/L RAMAMURTI - 61071802**** NO. 18 LORONG KURAU 7, TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI
Penjamin 2	: NOR ASLAN BIN MOHD BAIE - 59013010**** B6 LOT 3767, LORONG HAJI SAID BATU 7, JALAN KEBUN, SEKSYEN 30, 40460 SHAH ALAM SELANGOR	Penjamin 2	: OOI BOON KUANG NO. 8 TASIK 14000 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 2	: NORRIZAH BIN M.ISMAIL - 59080907**** NO. 9542 JALAN SS 12/1F, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: MUNIANDY A/L RAMAYAH - 52072907**** 15 TINGKAT ERSKINE TIGA, 10470 PULAU PINANG,
No Akaun Peminjam	: 4016 : ANG GUIH CHENG - 7311307**** 21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 4053 : GOVINDER SINGH A/L SIVNARAIN SINGH - 74120107**** 14 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 4053 : GOVINDER SINGH A/L SIVNARAIN SINGH - 74120107**** 14 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 4001 : BATHUMAVATHY A/P SUPPIAH - 72050507**** NO.3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ANG KIAT LEONG - A1440*** 21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN , 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ANG KIAT THOON - A2275*** NO. 6 JALAN SEMANGAT , KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NADARAJAN A/L MUNIANDY - 57110710**** NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13700 PERAI	Penjamin 2	: M.K.YASU DEVAN A/L S M KUMARASAMY - 57040507**** 41 LORONG NANGKA 5, TAMAN DESA DAMAI 14100 BUKIT MERTAJAM

# JA Solar Malaysia tambah pelaburan RM200 juta di P. Pinang

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar: ALISSALA THIAN

**BATU MAUNG** – Syarikat pengeluar produk solar berprestasi tinggi dunia, JA Solar Holdings Co. Ltd. yang berpengkalan di China terus memilih Pulau Pinang untuk melebarkan operasinya dengan pelaburan tambahan bernilai RM200 juta.

Pelaburan menerusi anak syarikatnya, JA Solar Malaysia Sdn. Bhd. (JA Solar) itu adalah bagi melebarkan operasi sedia ada melalui pembangunan Fasa Kedua JA Solar di Zon Industri Bebas Bayan Lepas (FTZ) Fasa 4 di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyempurnakan majlis perasmian pembangunan kilang Fasa Kedua berkaitan turut menyatakan bahawa tambahan pelaburan berkaitan bakal menyediakan kira-kira 300 peluang pekerjaan baru.

“Saya yakin pembukaan tersebut mampu memastikan Pulau Pinang dan juga Malaysia kekal di barisan hadapan dalam industri solar,” ucapnya pada majlis berkaitan yang diadakan serentak dengan Majlis Ulang Tahun Pertama



KETUA Menteri ditemani Xie Jian (dua dari depan) ketika mengadakan lawatan ke sekitar kilang bersempena Majlis Perasmian Pembangunan Kilang Fasa Kedua dan Sambutan Ulang Tahun Pertama JA Solar di sini baru-baru ini.

syarikat pengeluar berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden JA Solar Holdings Co. Ltd., Xie Jian dan Konsul

Besar Republik China di Pulau Pinang, Wu Jun.

Difahamkan, pada suku pertama tahun ini (2016), jumlah pengeluaran pembuatan sel solar JA Solar Holdings Co. Ltd. mencecah 1,381 megawatt dan JA Solar Malaysia menyumbang 11 peratus daripada jumlah tersebut.

Menurut Guan Eng, pelaburan tambahan daripada syarikat pengeluar sel solar bertaraf antarabangsa tersebut mencerminkan keyakinan pelabur asing untuk terus melabur di negeri ini.

“Tahun lalu (2015), JA Solar telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pilihan untuk pelancaran kilang pengeluaran pertamanya luar dari China.

“Saya percaya, inisiatif berterusan Pulau Pinang untuk mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan dan pelaburan telah meyakinkan JA Solar untuk mengembangkan operasi sedia ada di sini.


“Selain daripada meningkatkan kapasiti pengeluaran pembuatan, pelaburan tambahan ini juga membolehkan JA Solar memperkenalkan teknologi baru seperti penghasilan sel solar terkini dikenali percium,” ujar beliau.

## Projek-projek Pelaburan Yang Diluluskan Mengikut Tahun di Pulau Pinang.

Tahun	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah	Potensi Guna Tenaga
2000	895.12	3,564.48	4,459.60	15,327
2001	259.00	3,578.00	3,837.00	14,630
2002	411.36	1,986.96	2,398.32	13,487
2003	467.17	1,455.82	1,922.99	9,890
2004	1,016.03	1,014.24	2,030.27	9,235
2005	717.35	3,907.50	4,624.85	21,642
2006	1,432.45	3,918.20	5,350.65	13,539
2007	1,625.25	3,143.41	4,768.66	8,833
2008	5,068.72	5,088.00	10,156.72	22,215
2009	716.74	1,449.00	2,165.74	8,696
2010	1,786.85	10,451.00	12,237.85	21,618
2011	1,960.40	7,146.00	9,106.40	14,293
2012	1,344.90	1,126.55	2,471.45	10,359
2013	2,117.86	1,794.39	3,912.25	14,515
2014	3,048.78	5,113.59	8,162.37	17,896
2015	2,225.61	4,498.73	6,724.34	18,725

Sumber: MIDA

## KDNK Per Kapita Mengikut Negeri, pada Harga Semasa 2015



Lampiran C.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eng memberitahu, bagi Pulau Pinang, statistik menunjukkan peningkatan daripada RM29.4 bilion (2000-2007) kepada RM54.9 bilion (2008-2016), meningkat 87 peratus, dengan 106,583 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan. (Rujuk Lampiran B).

“Pulau Pinang terus menarik pelaburan apabila MIDA (Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia) meluluskan projek-

projek pelaburan negeri (2008-2015) berjumlah RM54.9 bilion, peningkatan sehingga 86.9 peratus berbanding tahun 2000-2007 hanya RM29.4 bilion.

“Begitu juga pelaburan asing (FDI), bagi tahun 2008-2015 mencatatkan peningkatan 62.5 peratus atau RM36.7 bilion berbanding RM22.6 peratus pada 2000-2007.

“Pelaburan domestik juga meningkat apabila MIDA

meluluskan hampir tiga kali ganda, iaitu daripada RM6.8 bilion pada 2000-2007 kepada RM18.3 bilion pada 2008-2015.

“Prestasi kukuh ekonomi telah membolehkan Pulau Pinang mencatatkan KDNK per kapita ketiga tertinggi berdasarkan harga semasa dalam negara iaitu RM44,847 berbanding KDNK per kapita Malaysia RM37,104 pada 2015,” jelas beliau. (Rujuk Lampiran C).

Dari muka surat 1.

“Jadi beritahu saya, prestasi ekonomi kerajaan manakah yang menyediakan?

“BN cuba memusnahkan kejayaan Pulau Pinang dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus yang bersih termasuk amalan tender terbuka yang mendapat pujian Ketua Audit Negera serta

Transparency International.

“BN gagal menyebut bahawa mereka alah penyebab Pulau Pinang merekodkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita terendah bagi tahun 2006-2007, hanya 5.9 peratus,” tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dari segi PELABURAN SEKTOR PEMBUATAN, Guan

	RM Juta		
Tahun	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah
2000-2007	6,823.73	22,568.61	29,392.34
2008-2015	18,269.86	36,667.26	54,937.12

Lampiran B.

# P. Pinang sasar 40% kitar semula menjelang 2020 - Exco

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menasarkan 40 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2020 berbanding 32 peratus kini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, inisiatif Kerajaan Negeri melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca adalah satu usaha relevan yang akan membantu negeri menjayakan sasaran tersebut.

**“Sejak dasar tersebut diperkenalkan 1 Jun lalu, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) telah berjaya meningkatkan jumlah kutipan bahan kitar semula saban minggu.”**

**“Secara purata, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya mengumpul antara 4 hingga 5 tan bahan kitar semula dalam tempoh seminggu kini.**

**“Manakala, pungutan mingguan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah antara 1 hingga 2 tan,”** jelasnya pada Majlis Perasmian Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Pengasingan Sisa Di Punca di Flat Jalan Kedah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Wong



CHOW Kon Yeow (barisan belakang, tengah) bergambar kenangan dengan golongan kanak-kanak pada Majlis Perasmian Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Pengasingan Sisa Di Punca di Flat Jalan Kedah di sini baru-baru ini.

Yuee Harng dan Pengerusi Jawatankuasa JMB Flat Jalan Kedah, Tay Chye Hock.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, pungutan (bahan kitar semula) oleh MPSP mencatat jumlah lebih tinggi disebabkan kawasan Seberang Perai mempunyai lebih banyak premis bertanah berbanding premis bertingkat

seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), pangaspuri dan kondominium yang diuruskan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB).

“Bagi premis berstrata, kaedah dan sistem pengasingan dikendalikan oleh JMB.

“Justeru, kami (Kerajaan Negeri)

merayu kepada pihak JMB atau jawatankuasa pengurusan untuk menjadi lebih proaktif dan berhubung dengan Ahli-ahli Majlis, wakil negeri atau pihak PBT sekiranya mereka keliru atau memerlukan bantuan serta penjelasan lanjut berhubung dasar ini.

“Kerajaan Negeri ingin memastikan semua isi rumah di negeri ini benar-benar memahami dan menyesuaikan diri dengan dasar baru ini sebelum ia dikuatkuasakan secara mandatori pada 1 Jun 2017,” ujarnya.

Berikut pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca sejak 1 Jun lalu, Kerajaan Negeri memberikan penangguhan selama setahun bagi mendidik isi rumah mengasingkan sisa di peringkat sumber sebelum menjalankan tindakan penguatkuasaan mandatori.

Melalui pelaksanaan dasar berkaitan, isi rumah premis bertanah perlu mengasingkan bahan kitar semula seperti kertas, plastik, kaca dan tin aluminium di luar rumah untuk kutipan pada setiap hari Sabtu.

Bagi premis bertingkat, pihak JMB perlu menyediakan ruang khas untuk penduduk meletakkan bahan-bahan yang telah diasingkan mengikut komponen sebelum mengatur kutipan oleh syarikat kitar semula.



Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A)

Keluasan Tanah : 1206kp (min) - 2659kp (max)  
Keluasan Binaan : 2093kp (min) - 2239kp (max)  
Harga Jualan : RM560,000 (min) - RM701,000 (max)  
Bilangan Unit : 95



Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B)

Keluasan Tanah : 1130kp (min) - 2077kp (max)  
Keluasan Binaan : 1954kp (min) - 2099kp (max)  
Harga Jualan : RM508,000 (min) - RM633,000 (max)  
Bilangan Unit : 63



Rumah Berkembar 2 Tingkat

Keluasan Tanah : 2422kp (min) - 3800kp (max)  
Keluasan Binaan : 2758kp (min) - 2758kp (max)  
Harga Jualan : RM738,000 (min) - RM873,000 (max)  
Bilangan Unit : 52



Rumah Link Berkembar 2 Tingkat

Keluasan Tanah : 2207kp (min) - 2874kp (max)  
Keluasan Binaan : 2625kp (min) - 2625kp (max)  
Harga Jualan : RM675,000 (min) - RM761,000 (max)  
Bilangan Unit : 68

Hakmilik Kekal

## PEARL TROPIKA

**PALMINGTON SDN BHD (892241-W)**

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,  
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.  
Tel: 04-3240088 Fax: 04-3240090  
Email: tilb@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju : 11882-7/11-2017/01005(L)  
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-7/11-2017/01005(P)  
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP  
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/ 20-75/56  
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap : Mac 2019  
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal  
Tanah : OCBC

Tempoh Sah : 27/11/2015 - 26/11/2017  
Tempoh Sah : 27/11/2015 - 26/11/2017

Bilangan Unit :  
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A)- 95 Unit  
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B)- 63 Unit  
Rumah Berkembar 2 Tingkat- 52 Unit  
Rumah Link Berkembar 2 Tingkat - 68 Unit

5% Diskaun Untuk Bumiputera

# Harap amalan kuota 30% wanita luaskan pergerakan JKKK

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini akan terus melaksanakan amalan 30 peratus anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) mesti dipenuhi oleh golongan wanita.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap amalan itu sebagai menghargai sokongan majoriti wanita yang memberi sokongan kepada kepimpinan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mac 2013.

Justeru, beliau berharap amalan tersebut terus mendorong kepemimpinan wanita di peringkat akar umbi dan mampu mencorak pergerakan JKKK agar lebih luas.

“Di peringkat negeri, Datuk Bandar, Dato’ Patahiyah Ismail yang memimpin Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif telah membuktikan

kemampuan masing-masing memimpin PBT (pihak berkuasa tempatan).

“Saya berharap pemimpin wanita di peringkat JKKK pun boleh menggerakkan suatu wawasan yang lebih luas, jangan terbatas pada isu-isu kewanitaan sahaja,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak bersempena penganjuran Program Latihan Kepimpinan Wanita Dalam JKKK dan Komuniti di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Rohana Abdul Ghani dan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul.

Menurut Mohd. Rashid, ketika ini hanya 844 daripada 3,225 anggota JKKK adalah kaum hawa.

“(844 anggota JKKK wanita) ini bersamaan dengan 20.7 peratus sahaja.

“Daripada jumlah (844 wanita) tersebut, 91 peratus daripadanya adalah Ahli Jawatankuasa (AJK) biasa, Setiausaha (7%) dan Pengurus (2%),” jelas beliau.



MOHD. Rashid Hasnon (barisan belakang, lima dari kanan), barisan pengajar dan para peserta memegang plakat membawa mesej khas pada penganjuran Program Latihan Kepimpinan Wanita Dalam JKKK dan Komuniti di sini baru-baru ini.



Oleh : **ME**



**MUZIUM NEGERI PULAU PINANG**  
NO. 57, JALAN MACALISTER, GEORGE TOWN



**LEMBAGA MUZEUM NEGERI PULAU PINANG**  
NO. 57, JALAN MACALISTER, 10400 GEORGE TOWN, PENANG.

**UNTUK HEBAHAN**

**PAMERAN BERGERAK PERTAMA YANG DIADAKAN DI MALAYSIA**  
“Malaysia’s First Travelling Exhibition”

Buat julung kalinya Program ‘Silang Budaya 2016’ yang berkonsepkan “Travelling Exhibition” yang diteraju oleh Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang selaku Pengerusi Jawatankuasa Pameran & Pendidikan bagi tahun 2016 dibawah Persatuan Muzium Malaysia akan menjelajah ke enam (6) buah negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2016.

Program ini bertujuan memberikan pendedahan dari aspek seni, kebudayaan dan warisan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa sekaligus meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan dan tradisi masyarakat di Malaysia. Objektif utama ‘Silang Budaya 2016’ adalah untuk menjalinkan hubungan dua hala secara ‘cross interrelation’ dimana peluang serta pendedahan awal diberikan kepada warga kerja muzium untuk mempertingkatkan kemahiran dalam pengendalian pameran dan aktiviti – aktiviti pendidikan sebagai perniagaan teras (core-business).

Program ini telah menerima penyertaan daripada Jabatan Muzium Malaysia dan lima buah muzium negeri yang lain. Selaku perintis dan peneraju projek Silang Budaya 2016, Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang telah memilih persembahan Ghazal Party sebagai warisan budaya untuk dipertontonkan kepada umum, manakala, Jabatan Muzeum Malaysia mengetengahkan pameran mengenai seni warisan Gambus, Lembaga Muzeum Negeri Kedah mempersembahkan tradisi wayang kulit Seri Asur. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang mewakili negeri Selangor mempamerkan seni Cempuling, Yayasan Warisan Johor memperlihatkan seni persembahan Zapin dan Lembaga Muzeum Negeri Perak memilih seni Tarian Dabus.

Konsep ‘Silang Budaya 2016’ adalah cetusan idea dari Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada muzium-muzium yang bergabung serta para pelawat yang telah berkunjung ke pameran ‘Silang Budaya 2016’ ini. Pameran ini bakal menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai April 2016 dan negeri Perak telah diberi kepercayaan sebagai destinasi pertama untuk melangsungkan pameran Silang Budaya 2016.

Kesinambungan daripada projek rintis ini, Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang bakal membuka hasil dokumentasi proses-proses pembikinan serta perjalanan ‘Silang Budaya 2016’ bermula dari awal cerna idea serta konsep sehingga proses penjelajahan pameran keenam-enam buah negeri ini berakhir.

Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang merupakan institusi permuziuman Badan Berkunun Negeri dibawah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Haryany Mohamad

Pengarah

Lembaga Muzeum Negeri Pulau Pinang

No.57 Jalan Macalister, 10400 Georgetown, Pulau Pinang

**Unit Perhubungan Awam**

Cik Noorida Bt Noordin / Cik Radziah Othuman / En. Hafiz Zainula

Email : noorida@penangmuseum.gov.my / radziah@penangmuseum.gov.my / hafiz\_zainula@penangmuseum.gov.my

Tel : 04-2261 461 / 462

Website : [www.penangmuseum.gov.my](http://www.penangmuseum.gov.my)

Facebook : <https://www.facebook.com/silangbudaya/>

###

# Minyak wangi Josh Lee, setanding jenama antarabangsa berciri aroma keMalaysiaan

**TERTARIK** pelbagai jenis haruman sejak kecil mendorong seorang anak watan Pulau Pinang mencebur ke bidang keusahawanan minyak wangi.

Dilahirkan di Pulau Pinang, **Joshua Lee Chun Yee**, 39, mula mengorak langkah merencanakan hasratnya untuk memiliki rangkaian minyak wangi berjenama sendiri, *Josh Lee Fragrances* dan ‘menakluki’ industri minyak wangi negara.

Ikuti temubual wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **SHUM JIAN-WEI** di pejabat urusan beliau di Jalan Siam, George Town baru-baru ini.

## LATAR BELAKANG, PENDIDIKAN & KERJAYA

Joshua Lee merupakan anak sulung daripada dua adik-beradik.

Dilahirkan dalam sebuah keluarga yang menjalankan perniagaan menjual bahan-bahan membuat kek dan perkakasan, Joshua Lee akui, minatnya terhadap haruman mula tercetus sejak kecil.

“Keluarga saya telah memulakan perniagaan ini lebih 30 tahun lalu dan setiap hari apabila adunan kek dibuat, bau-bauan seperti vanila, strawberry, coklat dan pandan serta rempah-ratus seperti bunga cengkih, buah pala, buah pelaga dan kulit kayu manis seolah-olah memberi inspirasi untuk saya menghasilkan rangkaian minyak wangi saya sendiri,” katanya yang menyukai haruman yang menggunakan bahan-bahan asli.

Selepas tamat pengajian di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dari St. Xavier’s Institution (SXI), Joshua Lee melanjutkan pengajian dalam



**JOSHUA** Lee Chun Yee menunjukkan produk-produk minyak wangi keluarannya.

bidang kimia di Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor.

“Sistem pendidikan tinggi di Malaysia tidak menawarkan pengajian dalam bidang *perfumery* (pembuatan minyak wangi), jadi pengajian bidang kimia adalah yang paling hampir dengan pembuatan minyak wangi kerana menggabungkan pelbagai unsur kimia.

“Selepas itu, barulah saya melanjutkan pengajian di Institut Supérieur International du Parfum de la Cosmetique et de l’Aromatique Alimentaire atau ISIPCA di Versailles, Perancis,” ceritanya yang memiliki sarjana dalam bidang *European Fragrances and Cosmetic Master* (EFCM) dari Universiti of Versailles Saint Quentin en Yvelines, Perancis.

Menariknya, Joshua Lee merupakan satu-satunya anak Malaysia yang pernah melanjutkan pengajian di EFCM dan muncul sebagai pelajar terbaik pada *International Federation of Essential Oils and Aroma Trade* (IFEAT) di Plymouth, United Kingdom.

Setelah pulang ke tanah air pada 2004, beliau memulakan kerjaya sebagai penganalisis pasaran bagi syarikat kosmetik dan minyak wangi di Kuala Lumpur.

Malah, beliau turut berpeluang menghasilkan rangkaian produk penjagaan wajah dan kosmetik untuk selebriti tersohor negara, Datuk Siti Nurhaliza melalui rangkaianya *SimplySiti*.

## GEORGE TOWN, OUD & NYONYA

Tahun 2012 merupakan tahun yang paling bermakna apabila haruman *George Town by Josh Lee*

dilancarkan.

Wangian yang bertemakan ‘Heritage Through Scent’ tersebut diinspirasi oleh ‘haruman’ warisan, alam semulajadi dan budaya di Pulau Pinang.

“Visi saya mudah, untuk menjadikan rangkaian minyak wangi saya setanding jenama antarabangsa, tetapi mempunyai aroma dan elemen keMalaysiaan.

“Begitu juga haruman George Town ini, ‘dilahirkan’ sebagai tanda penghargaan setelah George Town dianugerahkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008,” ujarnya yang berhasrat untuk memasarkan produknya ke luar negara.

Minyak wangi *eau de parfum* pertamanya, *OUD by Josh Lee* dihasilkan dengan ciri-ciri alam semulajadi, Hutan Hujan Tropika Malaysia.

Menggabungkan bau-bauan kulit limau, bergamot, cengkih,

bunga raya, nilam, gaharu, cendana dan pokok araz, OUD sesuai digunakan untuk lelaki dan wanita.

Wangian terbarunya, *Nyonya by Josh Lee* yang dilancarkan pada awal tahun 2016 diinspirasikan melalui kebudayaan Peranakan yang terdapat di Pulau Pinang dan Melaka.

Haruman bunga-bunga segar seperti bunga mawar, melati, cempaka, orkid, teratai dan *peony* yang diadun dengan bauan bergamot, neroli, araz, gaharu dan kasturi pasti akan memikat sesiapa sahaja.

Didatangkan dalam saiz 50 mililiter (ml), OUD dan Nyonya dijual dengan harga RM160 (sebelum GST) dan George Town pula RM130 (sebelum GST).

## SIJIL HALAL JAKIM

Selain menitikberatkan kualiti dan ketulenan, rangkaian minyak wangi Josh Lee turut mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Jadi, pelanggan yang beragama Islam, boleh menggunakan wangian ini tanpa perlu rasa was-was,” katanya yang turut menerima pengiktirafan daripada Persatuan Wangian Antarabangsa (IFRA).

## CABARAN & HARAPAN

Sebagai usahawan muda yang mempunyai rangkaian minyak wangi berjenama sendiri, pasti pelbagai cabaran yang dilalui.

“Antaranya penerimaan orang Malaysia terhadap produk-produk keluaran tempatan.

“Ramai yang masih sanggup membayar ratusan ringgit, malah ribuan untuk membeli haruman jenama terkenal berbanding haruman yang dihasilkan oleh anak tempatan.

“Jadi, itulah cabaran yang perlu saya tempuh untuk terus bertapak dalam industri ini.

“Harapan... pastinya saya akan mengembangkan lagi rangkaian minyak wangi *Josh Lee Fragrances* ini dan bercadang untuk mengeluarkan haruman bersaiz poket, yang mudah dibawa,” katanya yang kini dalam perancangan untuk ‘melahirkan’ minyak wangi baharu yang diinspirasikan oleh taman-taman di Malaysia tahun hadapan.

**INFO:**  
**JOSH LEE FRAGRANCES SDN. BHD. (1107886-X)**  
**56-B, Siam Road, George Town, 10400 Pulau Pinang.**  
**Tel.: 604-2293579**  
**Faks: 604-2290336**  
**www.joshsleefragrances.com**



**GEORGE** Town merupakan haruman pertama yang masih mendapat sambutan sehingga kini.



Di ruangan inilah magik haruman terhasil.

# RM1.5 juta lulus tangani banjir kilat Taman Nibong Tebal - Exco



**CHOW Kon Yeow (tiga dari depan) meniti di atas ban asal ketika melawat Jeti Nelayan Changkat.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **AHMAD ADIL**  
**MUHAMAD & LAW SUUN TING**

**SESI** ke-tiga Jelajah Sedia Mendengar Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow adalah di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi, selepas ke Bagan Dalam dan Sungai Pinang sebelum ini.

Di sini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee membawa rombongan Kon Yeow melawat lapan kawasan bagi mendengar sendiri maklum balas lanjut, kritikan dan syor daripada pemimpin penduduk setempat.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Heng Yeh Shiuian dan Jason H'ng Mooi Lye serta pegawaiannya; Jurutera Jalan Daerah bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) K. Jayanthi serta

kakitangan Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Sedia Mendengar ini diadakan untuk kita melihat dan mendengar sendiri kritikan serta cadangan daripada penduduk, mendapatkan maklum balas daripada jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan.

“Di Taman Nibong Tebal, bukan kali pertama kita melawat, tetapi kita menangguhkan projek sebelum ini kerana JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) mencadangkan pemasangan pencakar sampah automatik, bukan manual di pintu air sungai di sini.

“Keadaan penduduk bertambah baik, tapi masih belum menyelesaikan masalah banjir secara lanjut, kritikan dan syor daripada keseluruhannya.

“Pada Jun lalu, Jawatankuasa Tetap Tebatan Banjir Negeri telah meluluskan permohonan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dengan peruntukan RM1.5 juta untuk projek menaiktaraf sistem perparitan di Taman Nibong Tebal,” jelas Kon Yeow.

Di Pasar Awam Taman Berjaya,



**MENINJAU** keadaan parit utama di kawasan banjir Taman Desa Jawi.



**MENGAMBIL** maklum mengenai permasalahan diutarakan penduduk Ladang Kalidonia.

golongan penjaja kecil mengadu isu mereka terdedah tempias hujan kerana tiada bumbung pengadang di sini, isu parkir tidak cukup serta jalan rosak.

Kon Yeow memberitahu, MPSP akan mengkaji syor-syor itu daripada aspek kejuruteraan serta kemampuan kewangan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Di Pekan Jawi, Jayanthi memberitahu Kon Yeow dan Lip Chee bahawa JKR akan melebarkan jalan masuk utama kira-kira 300 meter di sini.

Penduduk Ladang Kalidonia pula menuntut Kon Yeow memberitahu status terkini cadangan penyusunan

semula penempatan penduduk di sini.

Kon Yeow memberitahu, pihaknya akan merujuk kepada Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berhubung hasrat membina rumah mampu milik (RMM) di atas tanah ladang tersebut.

Nelayan Jeti Changkat pula mengadu bahawa sudah masuk empat tahun mereka tidak mendapat peruntukan berwajib daripada agensi persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Mereka menyatakan bahawa Kerajaan Negeri wajar membangunkan kemudahan asas seperti projek membina ban dan pemasangan bekalan elektrik ke jeti tersebut.

Menurut mereka, Jeti Changkat mempunyai potensi untuk sektor pelancongan perikanan kerana di sini merupakan tempat pembiakan udang.

Di Taman Desa Jawi dan Flat Taman Jawi, Kon Yeow mengarahkan MPSP untuk berunding dengan penduduk berhubung struktur binaan tanah lapang tanpa izin di atas sebidang tanah lapang di sini.

Menurutnya, MPSP bercadang untuk menaiktaraf tanah lapang itu, gelanggang bola keranjang dan taman permainan kanan-kanan serta sistem perparitan di setiap tanah lapang terbiar dekat Kampung Tingkat Serindit.



**SOON** Lip Chee (berdiri, lapan dari kanan) mengiringi Chow Kon Yeow (enam dari kanan) menyampaikan sumbangan 10 pakaian seragam kepada Persatuan Bomba Sukarela Sungai Jawi.

# Zika: Komuniti & pemimpin perlu peka isu-isu kebersihan

**GEORGE TOWN** — Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memaklumkan bahawa semua langkah pencegahan virus zika telah dilaksanakan dengan sewajarnya, meskipun Pulau Pinang belum mencatatkan sebarang kes bawaan vektor tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam merangkap Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, pihaknya telah melakukan pemantauan teliti termasuk pencegahan terhadap virus zika memandangkan ia adalah sama seperti virus denggi, berikutnya kedua-dua penyakit ini dibawa oleh nyamuk Aedes.

"Pihak Majlis sememangnya bekerjasama erat dan berganding bahu dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam usaha

memantapkan kawalan vektor di kawasan George Town.

"Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan MBPP dan JKNPP giat melaksanakan operasi bersama di tapak-tapak pembinaan dari semasa ke semasa bagi memantau langkah-langkah kawalan pemberian nyamuk membabitkan pemaju dan kontraktor.

"Malah, MBPP kini dalam pelaksanaan projek perintis di sekolah-sekolah rendah di sekitar George Town bagi meningkatkan kesedaran murid-murid serta mendedahkan mereka dengan kepentingan kebersihan seperti amalan mencuci tangan, aktiviti kawalan dan pencegahan denggi.

"Kita (Majlis) ingin membentuk satu kumpulan generasi muda yang berperanan sebagai 'agen

pengubah' kepada masyarakat dengan melatih mereka untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat berpotensi yang menjadi tempat pemberian Aedes," katanya ketika membentangkan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP di sini baru-baru ini.

Ah Teong dalam pada itu menyarankan supaya masyarakat dan pemimpin setempat mempergiatkan aktiviti gotong-royong demi memastikan persekitaran bersih dan terjaga.

"Paling penting, penduduk, komuniti setempat dan pemimpin perlu peka terhadap isu-isu kebersihan persekitaran serta mengambil langkah-langkah proaktif dalam menghapuskan Aedes sekaligus mencegah zika serta denggi," ujarnya.



ONG Ah Teong (berdiri) ketika membentangkan ucapan penangguhan pada MBM MBPP di sini baru-baru ini.



NUR Zarina Zakaria (bertudung hijau) ketika ditemubual pihak media selepas MBM MBPP di sini baru-baru ini.

## MBPP diminta pertimbangkan semula penggunaan Pelan Setara

Gambar : ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** — Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diminta agar mempertimbangkan semula kegunaan Pelan Setara (*Block Plan*) yang telah dimansuhkan penggunaannya beberapa tahun lalu sebagai inisiatif membantu penduduk luar bandar membina rumah milikan sendiri.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP, Nur Zarina Zakaria berkata, pemansuhan pelan tersebut pada 12 Mac 2013 telah menimbulkan banyak rungutan dalam kalangan penduduk luar bandar, khususnya (penduduk) Balik Pulau yang menghadapi masalah pembayaran wang pada jumlah yang banyak bagi mendapatkan permohonan merancang bagi mengelakkan penyalahgunaannya

Setara diwujudkan bagi membantu penduduk luar bandar seperti di Balik Pulau untuk memohon membina rumah milikan sendiri mengikut prosedur.

"Tetapi, ia telah dimansuhkan... disebabkan itu ia telah mendorong banyak perumahan di kawasan Barat Daya khususnya, dibina tanpa kebenaran.

"Malah, terdapat kes melibatkan pembinaan rumah individu di atas tanah milikan sendiri dan dikenakan tindakan *stop work order*," jelasnya ketika membentangkan Ucapan Penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Justeru, Nur Zarina menyertai supaya MBPP mempertimbangkan kembali penggunaan pelan berkenaan dengan penambahbaikan bagi mengelakkan penyalahgunaannya pada masa akan datang.

"Pada tahun 70-an, Pelan



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (depan sekali) menunjukkan salah satu contoh halangan pada laluan pejalan kaki di Lebuh Chulia kepada pihak media massa sempena lawatannya di sini baru-baru ini.

ujarnya selepas menjalankan lawatan di kaki lima berdekatan Lebuh Chulia di sini baru-baru ini.

Turut sama, beberapa Ahli Majlis MBPP serta Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Ir. Zainuddin Mohd. Shariff dan Tuti Azmalia Azrai.

Mengulas lanjut, Muhammad Bakhtiar memberitahu, pihaknya telah mengklasifikasikan halangan kepada tiga jenis (halangan) iaitu halangan tidak kekal, separa kekal dan kekal.

"Lazimnya, kita (MBPP) akan mengeluarkan notis untuk pemilik mengosongkan kaki lima. Sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan notis dalam tempoh sebulan, MBPP akan menjalankan perobohan dan kos perlu dibayar oleh pemilik premis berkenaan.

Kata beliau, antaranya adalah melibatkan pengalihan halangan yang menghalang laluan pejalan kaki.

"Melalui Jabatan Kejuruteraan MBPP, kita (MBPP) menambah baik penutup longkang serta pemadaman petak parkir yang berdekatan pili bomba.

"Manakala, melalui Jabatan Konservasi Warisan pula, surat pemberitahuan dikeluarkan kepada semua pengusaha kedai dan premis perniagaan di Lebuh Chulia agar mereka tidak meletakkan barang perniagaan di kaki lima.

"Sebelum itu, notis satu bulan bertarikh 16 Ogos 2016 juga dikeluarkan oleh Jabatan Konservasi Warisan kepada beberapa pemilik kedai buku, kedai serbaneka dan kedai gunting rambut yang dikesan melakukan beberapa halangan di kaki lima,"

"Justeru, saya mohon semua pemilik kedai yang mempunyai kaki lima di hadapan premis masing-masing, terutamanya sekitar George Town supaya mengosongkan kawasan tersebut demi kemudahan dan keselamatan pejalan kaki," serunya.

Sejak April lalu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama MBPP telah melancarkan Kempen George Town Mesra Pejalan Kaki dan Lebuh Chulia dipilih sebagai projek perintis berikutnya kawasan tersebut sering menjadi tumpuan pelancong terutamanya dari luar negara.

MBPP menyasarkan kira-kira 90 peratus kaki lima di Lebuh Chulia bebas halangan untuk tempoh enam bulan akan datang.

# Amal integriti, jangan salah guna kedudukan, nasihat YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dinasihatkan supaya melakukan amalan integriti, serta tidak menyalahgunakan kedudukan masing-masing untuk kepentingan peribadi.

Yang di-Pertua, Dato' Maimunah Mohd. Sharif membuat penegasan itu ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Korporat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan di lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP, dekat Bandar Perda baru-baru ini.

**“Integriti di sini bukan sahaja sekadar tidak menerima rasuah, malah termasuk perbuatan menyalahgunakan kedudukan masing-masing dalam MPSP.”**

**“Saya menerima maklum balas bahawa ada kakitangan bahagian**

**teknikal tertentu meminta sesuatu daripada kontraktor tertentu, bukan semua, tetapi ada segelintir (kakitangan MPSP),”** ujarnya.

Sekiranya tiada urusan rasmi, Maimunah turut melarang penjawat awam keluar makan bersama-sama kontraktor tertentu.

“Suatu pertemuan haruslah di tempat yang terbuka supaya tidak menimbulkan prasangka orang lain.

“Ketua Jabatan dimohon agar sentiasa memberi perhatian dan keutamaan dalam membuat pusingan kerja anggota di jabatan,” serunya.

Pada sidang media selepas itu, Maimunah turut menasihatkan pelanggan MPSP supaya tidak menggunakan ‘orang tengah’ untuk membuat pembayaran bagi satu-satu urusan berwajib dengan PBT.

“Kalau nak masuk pelan atau bayar cukai dan sewa gerai, datang terus ke sini atau pergi ke kaunter bergerak yang disediakan.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, lima dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (barisan depan, enam dari kanan) sambil menunjukkan trofi-trofi dimenangi bergambar kenangan dengan kakitangan MPSP bersempena Majlis Perhimpunan Korporat PBT berkenaan di sini baru-baru ini.**

“Macam kes sebegini, selalunya akan dibuat siasatan dalaman dan akan dikenakan tindakan tatatertib juga,” jelasnya.

Dalam pada itu, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud memberitahu, dalam tempoh Januari hingga September tahun ini, masih tiada kes atau kakitangan majlis disingkirkan atas kesalahan menerima

suapan.

“Sehingga 1 Oktober tahun ini, MPSP direkodkan mengambil tindakan tatatertib terhadap lima kes berbanding 15 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

“Bagaimanapun, tiada tindakan membabitkan kes rasuah dalam PBT berkenaan,” jelas beliau.

## Pertandingan Fotografi Flotila dilanjut hingga 30 Nov.



**RASHIDAH Jalaludin (tengah) menunjukkan gambar flotila MBPP yang pernah memenangi tempat kedua Anugerah Hiasan Lampu Terbaik sempena penganjuran *Magic of the Night* 2016 di Putrajaya sebelum ini.**

Teks & Gambar : **SYARAFANA ALI**

**GEORGE TOWN** – Tarikh tutup penyertaan bagi Pertandingan Fotografi Flotila Pulau Pinang 2016 Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dilanjutkan sehingga 30 November ini.

Perkara tersebut diumumkan Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Rashidah, tarikh tutup penyertaan itu dilanjutkan bagi menarik seberapa banyak penyertaan, khususnya daripada kalangan pelajar sekolah.

“Sebelum ini, tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 September 2016, kini, kami (MBPP) lanjutkan lagi dalam tempoh dua

bulan,” ujarnya.

Hadir sama, pihak penganjur bersama, Presiden Pertubuhan Seni Fotografi Pulau Pinang (PSP), Ooi Kok Chuan dan Setiausaha Kehormat PSP, Yeap Khee Yong.

Pertandingan berkenaan terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Pelajar (18 tahun dan ke bawah).

Sejumlah RM4,200 hadiah wang tunai masing-masing ditawarkan bagi dua kategori berkaitan.

Setiap penyertaan perlu menggunakan kamera DSLR dan hanya imej asal tanpa sebarang perubahan (edit) yang dihantar oleh peserta akan diterima. Semua penyertaan yang dihantar adalah hak milik MBPP.

Bagi maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, [www.psp-penang.com.my](http://www.psp-penang.com.my).

## Henti serta-merta operasi kuari, pemaju tunggu tindakan lanjut

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengeluarkan Notis Arahan pemberhentian serta-merta bagi kerja-kerja letupan kuari pada 27 September lalu di Batu Kawan susulan mendapat aduan awam, kata Yang di-Pertua, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

“Kerja kuari tidak boleh dimulakan semula sehingga mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Majlis (MPSP),” tegasnya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Tegas Maimunah, MPSP berdasarkan Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 boleh bertindak tanpa notis susulan termasuk menuntut kos perbelanjaan berwajib daripada pemaju kuari, sekiranya kehendak Notis Arahan yang dikeluarkan tersebut tidak dipatuhi.

Terdahulu, beberapa akhbar arus perdana pada 27 September lalu melaporkan mengenai kejadian letupan luar biasa kuari tersebut di Batu Kawan.

Manakala, tambah Maimunah, MPSP sendiri sehari sebelum itu menerima aduan awam mengenai keretakan pada struktur rumah penduduk berdekatan, pencemaran habuk, bau serta bunyi letupan, insiden gegaran serta keadaan jalan rosak akibat pergerakan lori batu dan tanah dari tapak kuari terbabit.

“Penolong Jurutera Kanan MPSP, Mohd. Saedon Ahmad, Pegawai Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Azihan Mat Arshad serta pembantunya, Wan Bennyamin Rosli turut membuat siasatan lanjut di rumah beberapa pengadu di sekitar Taman Bandar Cassia dekat Parlimen Batu Kawan.

“Hasil siasatan lanjut mendapati,

terdapat kesan retakan pada rumah salah seorang pengadu, selain pengakuan awam mengenai letupan sebanyak dua kali pada hari kejadian 23 September lalu, sekitar jam 2.30 petang hingga 3.30 petang.

“Siasatan di tapak kuari yang kedudukannya 1.2 kilometer dari Taman Cassia itu mendapati masih terdapat longgokan batu di tapak kuari,” jelasnya.

Berdasarkan laporan siasatan, Maimunah menyatakan bahawa pemaju kuari turut memaklumkan bahawa pihaknya tidak membuat pengukuran tahap gegaran dan ledakan bunyi kerja peletupan yang dijalankan pada hari kejadian, kerana alat pengukuran berkaitan tidak berfungsi dengan baik.

“Susulan itu, JMG memberitahu pihaknya mengesyorkan polis memberhentikan permit bahan letupan yang dikeluarkan kepada pemaju kuari kerana tidak mematuhi syarat berwajib,” jelasnya.

Menurut Maimunah, pihak pemaju kuari dan pembedil diminta mengemukakan cadangan reka bentuk kerja peletupan yang baharu sebagai langkah pembetulan kepada JMG.

“JMG memanggil satu mesyuarat teknikal bagi membincangkan aduan awam tersebut secara lebih lanjut, dengan menjemput MPSP, Jabatan Alam Sekitar (JAŚ), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pengusaha kuari pada 4 Oktober lalu untuk tindakan selanjutnya,” katanya pada sidang media bersama-sama Setiausaha, Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis MPSP lain.

MPSP sehingga kini direkodkan meluluskan 20 kuari baru di sekitar Seberang Perai.

# Edar MyMAT cegah nyamuk membiak

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

**GEORGE TOWN** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa lebih 2,000 alat perangkap nyamuk MyMAT berjaya diedar kepada penduduk di tiga lokaliti terpilih sejak Jun lalu.

Menurut beliau, hasil kajian akan dibentangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) kelak, selepas pelaksanaan projek perintis itu lengkap dalam tempoh enam bulan.

“Setakat ini, di kawasan (Flat Jalan Tenggiri dekat Seberang Jaya, dua lokaliti lain adalah di Flat Seri Delima dekat Sungai Ara dan Taman Seri Damai dekat Batu Lanchang.

membabitkan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Tenggiri serta wakil JKNPP.

“Pencegahan terbaik adalah memastikan tempat pembiakan nyamuk di kawasan kediaman kita dimusnahkan.

“MyMAT ini adalah satu lagi kaedah yang kita lakukan, diharap dapat mencegah (penularan wabak) denggi dan virus zika,” jelasnya.

**Junlalu,Kerajaan Negeri memperuntukkan RM188,000 untuk edaran 4,700 unit MyMAT ke tiga kawasan projek perintis terpilih.**

**Selain Flat Jalan Tenggiri dekat Seberang Jaya, dua lokaliti lain adalah di Flat Seri Delima dekat Sungai Ara dan Taman Seri Damai dekat Batu Lanchang.**

MyMAT atau *Malaysia Mosquitoes Autocidal Trap* dipatenkan pada awal tahun 2000.

Alat perangkap nyamuk tersebut turut menyediakan platform pembasmi jentik-jentik seperti *Bacillus thuringiensis* (Bti) dan *temephos* (Abate).



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dan sukarelawan bertugas menjelaskan kepada para penduduk Flat Jalan Tenggiri mengenai penggunaan MyMAT bersempena program pengendarannya di sini baru-baru ini.

## ADUN gesa panggil semua pihak berkepentingan rangka pelan tangani banjir

Teks & Gambar : WATAWA NATAF ZULKIFLI

**BATU MAUNG** – Syarikat persekutuan Malaysia Airline Berhad (MAB) serta beberapa pihak berkepentingan lain perlu segera dipanggil bagi merangka pelan jangka panjang sebagai inisiatif menangani risiko banjir di Kampung Naran, Batu Maung dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Bayan Lepas di sini.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, pihaknya akan menulis surat supaya perbincangan semua pihak terbabit disegerakan.

“Dalam masa terdekat, kita perlu bincang isu ini bersama-sama pihak berkepentingan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, MAB, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan penduduk kampung.

“Perbincangan dengan MAB amat penting memandangkan sambungan Sungai Nipah dan Sungai Kluang berada dalam kawasan PIA.

“Jadi, kerja-kerja naiktaraf dan penyelenggaraan memerlukan JPS untuk masuk ke kawasan PIA,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada sidang media sempena sesi lawatan ke lokasi di sini

baru-baru ini.

Hadir sama, Jurutera JPS Daerah Barat Daya, Mohd. Shahman Shaari dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Naran, Lim Chi Hoe.

Menurut Abdul Malik, sudah berpuluhan tahun penduduk berdepan risiko banjir yang berpunca oleh limpahan air sungai, hujan yang terlalu lebat serta tiada sistem saliran yang baharu di kawasan PIA sendiri.

Justeru, beliau menggesa suatu pelan jangka panjang tebakan banjir segera diwujudkan untuk Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan saling membayai kos pemajuan berwajib kelak.

Sebelum itu, Mohd. Shahman memberitahu, pihaknya mencadangkan projek menaik taraf *culvert* longkang kepada saiz yang lebih besar, pembinaan pagar banjir dan menempatkan pam air berkapasiti besar di sini.

“Bagaimanapun, kita (JPS Daerah Barat Daya) mungkin terpaksa menunggu sehingga awal tahun depan kerana biasanya bajet akan masuk untuk tahun berikutnya (2017).

“Kita memang perlu berbincang dengan pihak MAB supaya boleh dialihkan pagar PIA agar saliran Sungai Nipah-Sungai Kluang berada di luar kawasan dan lebih mudah untuk JPS melakukan kawalan,” jelas beliau.



SOON Lip Chee (dua dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (empat dari kiri) serta kepimpinan Kerajaan Negeri lain menunjukkan pelan cadangan projek penyelenggaraan Taman Rekreasi Kampung Sanglang kepada pemberita, ketika melawat kawasan tanah lapang tersebut di sini baru-baru ini.

## Bersama MPSP pulihara Taman Rekreasi Kg. Sanglang, seru ADUN

**JAWI** – Taman Rekreasi Kampung Sanglang dekat Kawasan Parlimen Nibong Tebal diserahkan kembali kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan awam di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, pihaknya berharap komuniti setempat dapat menghargai serta memulihara kawasan tanah lapang yang hijau tersebut, selepas kerja-kerja penyelenggaraan siap.

“Taman Rekreasi Kampung Sanglang ini merupakan lokasi pilihan aktiviti riadah kerana kawasan yang lapang dan redup, juga sesuai untuk aktiviti memancing di Sungai Kerian.

“Kawasan ini memberi suasana yang tenang dan santai bagi pencinta alam semula jadi,” jelasnya kepada pemberita ketika melawat kawasan taman rekreasi tersebut baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta dua Ahli

Majlis pihak berkuasa tempatan berkenaan (PBT), Heng Yeh Shuan dan Jason H'ng Mooi Lye.

Dalam pada itu, Rozali memberitahu, kerja-kerja penarafan adalah membabitkan kawasan tanah lapang seluas 11,000 meter persegi atau kira-kira 3 ekar.

Ujar beliau, projek penarafan yang dicadangkan adalah kemudahan asas yang sesuai untuk aktiviti berkeluarga dan berkumpulan, seperti *fitness station*, taman permainan kanak-kanak, balapan berjalan, tempat duduk santai, tandas dan parkir.

“Taman rekreasi ini seringkali digunakan untuk aktiviti riadah dan rekreasi seperti jogging, bermain bola, memancing udang dan lain-lain lagi.

“Projek penyelenggaraan semula taman rekreasi ini akan memberi manfaat kepada penduduk, khususnya di penempatan Kampung Sanglang, Taman Permai, Taman Idaman Permai, Taman Serio Panchor, Taman Saujana dan Taman Ilmu,” jelasnya.



ABDUL MALIK Abul Kassim (kiri sekali) bersama Mohd. Shahman Shaari (kanan sekali) ketika melawat kawasan pertembungan antara Sungai Nipah dan Sungai Kluang di sini baru-baru ini.

# Dewan Serbaguna JKKK Jawi bawa manfaat kepada masyarakat tempatan

**JAWI** — Projek pembinaan Dewan Serbaguna JKKK Jawi baharu yang keseluruhannya menelan belanja RM245,500 merupakan sumbangan Kerajaan Negeri hari ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pembangunan infrastruktur tersebut akan memberi manfaat kepada lebih 450 keluarga di perkampungan Jawi di sini.

“Kebelakangan ini, pembangunan dalam kawasan bandar Nibong Tebal semakin nampak perubahan yang sangat ketara, termasuk dari segi pertambahan infrastruktur bangunan.

“(Projek ini) dapat memenuhi tugas pentingnya menjadi pusat aktiviti masyarakat tempatan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat,” katanya pada Majlis Perasmian Dewan JKKK Jawi di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, dua Ahli Majlis bagi Majlis



**KETUA MENTERI** sambil diiringi Soon Lip Chee (dua dari kanan) merasmikan Dewan JKKK Jawi di sini baru-baru ini.

Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jason H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shuan serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jawi,

Ching Swee Peng.

Menurut Guan Eng, **sumbangan lebih RM445,000 oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini untuk pelbagai projek**

infrastruktur adalah hasil usaha permohonan berterusan Lip Chee.

Sebelum itu, Lip Chee memberitahu, kos pemajuan dewan serbaguna tersebut adalah berjumlah RM200,000, tidak termasuk kos pemasangan pendingin hawa dan bumbung tambahan (*awning*) yang masing-masing bernilai RM25,000 dan RM20,500.

“Terdahulu, Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang Taman Berjaya siap dibina pada 15 Mac lalu menelan peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM200,000.

“Projek penarafan Padang Taman Berjaya yang siap pada 28 Februari lalu menelan belanja Kerajaan Negeri sebanyak RM200,000 juga.

“Itu, tidak termasuk peruntukan peruntukan lain Kerajaan Negeri untuk projek menaik taraf Dewan JKKK Desa Jawi, Dewan JKKK Che Aminah, Dewan JKKK Kebun Baru, Dewan JKKK Sanglang dan Dewan JKKK Changkat,” jelasnya.

## Mangsa kebakaran Sungai Rusa terima bantuan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **PPK**

**TELUK BAHANG** — Sebuah keluarga yang menjadi mangsa kebakaran dekat Sungai Rusa, Balik Pulau menerima bantuan ehsan dari Tabung Amanah Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri baru-baru ini.

Bantuan disampaikan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid kepada ketua keluarga mangsa kejadian, Yusoff Ismail.

Hadir sama, Pegawai Dearah bagi Daerah Barat Daya, Ederis Md. Din; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Penghulu Kawasan, Safirol Iman Abou Rayyan dan Pengurus Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Rusa, Muhamad Nazderi Ishak.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Halil Sabri berharap bantuan yang disampaikan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarga berkenaan.

Menurutnya, pada hari kejadian, pihaknya dengan kerjasama komuniti setempat mengambil inisiatif mengumpulkan bantuan kilat berjumlah RM500 yang disampaikan kepada mangsa termasuk barang keperluan utama seperti pakaian, selimut dan makanan dan minuman.

“Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, walau bagaimanapun, kerugian dianggarkan mencecah RM120,000 kerana hampir 80 peratus rumah mangsa hangus dalam kebakaran,” jelasnya.



**HALIL** Sabri Hamid (dua dari kanan) sambil ditemani wakil dan pegawai-pegawai berkaitan menyampaikan wang ehsan kepada Yusoff Ismail (tiga dari kanan) di sini baru-baru ini.



**ZAIRIL** Khir Johari (tengah) menyampaikan sumbangan kepada waris mangsa kebakaran di Mt. Erskine Funeral Parlour di sini baru-baru ini.

## MP serah sumbangan mangsa kebakaran Tanjung Tokong

**SERAH SUMBANGAN...** Sehari selepas berlangsungnya majlis sidang media oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar, waris kepada mangsa kebakaran Tanjung Tokong (kejadian pada 26 September lalu), mendiang Loo Giap Fong, 50-an, berjaya dikenalpasti.

Lanjutnya, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyerahkan sumbangan bernilai RM1,000 daripada Ketua Menteri (yang diserahkan oleh Ketua Menteri kepada beliau pada majlis sidang media) kepada kakak dan abang mendiang di Mt. Erskine Funeral Parlour di sini.

Turut diserahkan adalah sumbangan bernilai RM1,000 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pada masa sama, Zairil memberitahu bahawa pihaknya akan membantu abang mendiang yang merupakan orang kurang upaya (OKU) dan menetap di Tanjung Bunga mendapatkan bantuan JKM tertakluk kepada syarat ditetapkan pihak berkaitan.

Serentak itu, Zairil turut menyampaikan sumbangan bernilai RM1,000 daripada Tabung Bencana TYT kepada pemilik kediaman yang disewa mendiang.

# My Roti Panggang unik, bentuk piring terbang UFO menarik

Oleh : **WATAWA NATAF**

**ZULKIFLI**

Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**SEBUT** sahaja ‘Roti UFO’, kanak-kanak tempatan di Kampung Binjai dekat Bayan Lepas pasti terbayang-bayang My Roti Panggang yang rangup lagi lembut.

Padanlah roti berbentuk seakan piring terbang UFO kian menjadi buah mulut orang, terutama selepas viral di beberapa laman sosial Facebook baru-baru ini.

Pemiliknya, **MOHD. FAIZAL AB. RAHMAN** memberitahu, perniagaan roti berbentuk unik di atas lori *pick up* diilhamkan serta diusahakan sejak dua tahun lalu.

Katanya, gaya perniagaan itu meniru ‘orang lama’ yang pernah bermiaga produk tersebut 20 tahun lalu.

“Dari situ, saya dan rakan kongsi saya, **MOHD. AZAN MOHD. KADIR**, 35, kami cuba kembalikan produk roti panggang tersebut dalam Kampung Binjai kerana kami merasakan produk tersebut masih relevan dan mampu mendapat permintaan masyarakat hari ini,” jelasnya kepada Buletin Mutiara dalam satu sesi temu bual baru-baru ini.

## Permulaan

Ujar Mohd. Faizal, bukan mudah memulakan perniagaan tersebut kerana keunikan roti panggang berkenaan tergantung kepada acuannya yang didaftarkan melalui syarikat Nutbrown dan berpengkalan di England.

“Kami cari acuan dia sahaja sampai England.

“Kebetulnya ada sahabat di sana yang masih belajar, jadi beliau berusaha dan hasilnya kami berjaya mendapatkan lebih kurang sembilan unit acuan tersebut berharga RM700 termasuk kos penghantaran.

“Kalau abang (kru Buletin Mutiara) hendak tengok saya boleh tunjuk di acuan itu sendiri memang ada cop yang memang didaftarkan oleh Nutbrown sendiri.

Mengikut sejarah, difahamkan, Nutbrown memulakan perniagaan roti panggang lebih 50 tahun lalu dan ianya adalah resipi tradisional orang Britain,” ujarnya.

## Bukan ‘Stor Burger’

Sekali pandang dari gerai dan bahan, anda akan menjangkakan perniagaan tersebut adalah burger biasa yang lazim ditemui di tepi jalan.

Ini kerana, walaupun My Roti Panggang menggunakan roti yang sama, tetapi apabila ianya



MOHD. Azan Mohd. Kadir (kiri) dan Mohd. Faizal Ab. Rahman ketika ditemubual Buletin Mutiara baru-baru ini.



**MEMASUKKAN** roti ke dalam acuan Nutbrown memerlukan ketelitian.



MY Roti Panggang berintikan telur pasti menggamit peminat-peminat telur setengah masak.

dimampatkan bersama ini di dalam acuan Nutbrown dan dibakar, rasa apabila mereka dah makan dan rasa, ‘depa’ pun mengaku bayangan burger tu dah hilang bahkan rasa, aroma dia (roti panggang) itu lebih

berniaga burger dahulu, tetapi apabila mereka dah makan dan rasa, ‘depa’ pun mengaku bayangan burger tu dah hilang bahkan rasa, aroma dia (roti panggang) itu lebih



LORI yang digunakan untuk bermiaga.



KAEDAHA roti dipanggang.

di dalam acuan Nutbrown sebelum dipanggang. Ketika proses pemampatan tersebut, Mohd. Faizal dan Mohd. Azan perlu berhati-hati kerana kekemasan dan ketelitian menjadi penentu kepada kualiti roti panggang yang dihasilkan.

“Roti panggang akan dipanggang selama enam minit bagi mendapatkan tekstur yang rapuh serta gebu di luar dan lembut di dalam,” jelas Mohd. Faizal.

## Perancangan Masa Hadapan

Faizal pada masa hadapan berhasrat untuk mendapatkan trak yang lebih moden bersesuaian dengan peredaran masa.

“Kalau kita tengok sekarang food truck banyak yang sudah canggih-canggih.

“Model macam itu memerlukan modal sekitar RM70,000 ke RM80,000 bergantung kepada jenis. InshaAllah ada rezeki lebih kami akan usahakan ke arah itu.

“Selain itu, kami juga mengintai peluang menghasilkan jenama roti sendiri.

“Jadi bila pelanggan hendak makan roti panggang, maka cap jenama MYRotiPanggang akan dapat dilihat di atas permukaan roti tersebut yang merupakan jenama kami sendiri,” katanya yang turut menerima pesanan.

## Pesan

Mohd. Faizal mengakui pihaknya turut menerima pesanan daripada kilang-kilang, terutamanya yang bekerja pada syi waktu malam.

“Tempahan pun kami ambil, namun bergantung kepada kuantiti, tenaga kerja dan lokasi. Kilang memang menjadi permintaan utama kami,” ujarnya.

Bagi yang berminat untuk merasa My Roti Panggang, anda bolehlah mengunjungi gerai tersebut di Kampung Binjai berhampiran stesen minyak Caltex bersempadan dengan Kampung Permatang Damar Laut (lama).

Perniagaan dibuka setiap hari kecuali hari Ahad, dari jam 5 petang hingga 11 malam (bergantung kepada stok yang ada).

“Kadang-kadang habis awal, kadang-kadang lewat, sasaran kami selalunya boleh laku dalam 100 biji sudah memadai dan alhamdulillah,” jelas Mohd. Faizal sebelum menutup bicara bersama Buletin Mutiara.

## INFO:

No. Tel.: 012 – 471 3699 atau 014 – 244 2438.